

BAB KEDUA

BAB KEDUA

PERANAN KAUNSELING DALAM DAKWAH

Di dalam bab pertama sebelum ini, penulis telah membincangkan mengenai kaunseling dan dakwah. Di dalam bab kedua ini pula, penulis akan membincangkan mengenai peranan kaunseling dalam dakwah.

Dalam membincangkan peranan kaunseling dalam dakwah penulis menjelaskan terlebih dahulu tentang kedudukan kaunseling dari perspektif Islam. Di samping itu juga, penulis turut menjelaskan tentang kepentingan kaunseling untuk dakwah.

2.1 DEFINISI KAUNSELING MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Terdapat pelbagai pendapat mengenai pengertian kaunseling Islam. Di sini penulis akan mengemukakan beberapa pendapat yang telah diberikan oleh tokoh-tokoh kaunseling tentang pengertian kaunseling Islam.

Di antaranya, Dr. Hassan Langgulung, seorang tokoh pendidikan menyatakan bahawa kaunseling Islam sebagai satu proses pengajaran

psikologi yang berlaku dalam bentuk bersemuka antara seorang pakar psikologi kaunseling individu yang bermasalah.¹

Dalam proses kaunseling digunakan teknik dan kaedah profesional yang bertujuan menolong klien untuk menyelesaikan masalahnya. Di samping itu kaunselor akan menangani masalah-masalah itu dengan kaedah-kaedah penyesuaian yang secara langsung menolong memahami dirinya, memahami kebolehan dan minatnya serta menggalakkannya untuk menerima takdir yang diberi oleh Allah (s.w.t.) kepadanya.²

'Izzu al-Din al-Taimi pula menjelaskan bahawa kaunseling Islam ialah suatu usaha bimbingan atau pendidikan ke arah pembentukan keperibadian yang luhur dan benar-benar ikhlas berpegang teguh kepada akidah Islam dan nilai-nilai yang menyeru kepada agama serta dapat melahirkan tingkahlaku atau akhlak yang terpuji di dalam hidupnya.³

Selanjutnya Mohd Ariffin menyatakan kaunseling Islam suatu kegiatan atau usaha yang dilakukan oleh seorang kaunselor dalam usaha

¹Dr. Hassan Langgulung, *Teori-teori Kesihatan Mental, Perbandingan Psikologi Modern dan Pendekatan Pakar-Pakar Pendidikan Islam*, cet. 1, t.th, Kajang, Selangor, hal. 54.

²Ibid, hal. 55.

³Izzu al-Din al-Taimi , *Nazarat fi al-Tarbiyah al-Islamiyah*, cet. 1, Dar al-Basyir, Amman, Jordan, 1985, hal. 65.

memberikan bimbingan dan khidmat nasihat kepada orang lain yang mengalami kesulitan rohaniah dan lingkungan hidupnya agar individu mampu mengatasinya sendiri kerana timbul kesedaran pada dirinya suatu cahaya harapan hidup sekarang dan masa akan datang.⁴

Syed Naquib al-Attas pula menjelaskan bahawa kaunseling Islam ialah suatu usaha menyeru atau mengajak manusia ke arah kebaikan dengan tujuan untuk melahirkan seorang muslim yang berbudi luhur, berdisiplin dan berakhhlak dengan akhlak Islam.⁵

Manakala Mohd. Syed al-Wakil pula mendefinisikan kaunseling Islam sebagai suatu usaha mengajak manusia kepada kebaikan dan petunjuk ke arah kebenaran yang diredayai Allah (s.w.t) dan melarang dari melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh agama Islam. Dengan erti kata lain *amar makruf nahi mungkar* dengan tujuan untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.⁶

⁴Mohd. Ariffin, *Pokok-Pokok Pemikiran Tentang Bimbingan Dan Penyuluhan Agama*, Bulan Bintang, Jakarta, 1976, hal. 25.

⁵Syed Naquib al-Attas, *Aims And Objectives Of Islamic Education*, Islamic Order, vol. 2, Feresson Printers, Karachi, 1990, hal. 29.

⁶Mohd Syed al-Wakil, *Usus al-Da'wah wa al-Adab*, Dar al-Mujtama' al-Nasir wa al-Tauzi', Jordan, 1987, hal. 9.

Menurut Muhammad Hatta Hj. Shahrom pula kaunseling Islam ialah satu proses interaksi yang bertujuan untuk membolehkan individu menyedari dan mengenali dirinya mengatasi masalah yang dihadapi dengan menggunakan kemampuan dan kelebihan diri. Ini menggalakkan perkembangan personaliti yang mulia dan membantu ke arah pencapaian matlamat hidup berdasarkan fitrah kejadian insan serta petunjuk *rabbani* (ketuhanan).⁷

Berdasarkan kepada beberapa pendapat yang telah dikemukakan di atas, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa kaunseling Islam ialah segala bentuk usaha atau kegiatan yang dijalankan dengan penuh bijaksana, ikhlas dan budi bicara yang lemah lembut untuk membimbing manusia ke jalan yang benar dan lurus agar manusia dapat mengenal dan percaya kepada Allah (s.w.t) dengan melaksanakan titah perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Dengan usaha ini dapat membentuk urusan hidup mereka dalam segala aspek menurut prinsip-prinsip Islam yang sumber utamanya ialah al-Qur'an dan sunnah Rasulullah (s.a.w).

⁷Muhammad Hatta Hj. Shahrom (Dr.), *Psikologi Dan Kaunseling Remaja*, cet. 1, Pertubuhan Jama'ah Islah Malaysia (JIM), Kuala Lumpur, 1994, hal. 101.

2.2 KEPENTINGAN DAN TUJUAN KAUNSELING ISLAM

Fungsi kaunselor dalam kaunseling Islam ialah sebagai pembimbing atau pembantu klien untuk mencari jalan membuat alternatif yang berdasarkan kepada prinsip al-Qur'an dan sunnah Rasulullah (s.a.w).⁸ Justeru itu kepentingan dan tujuan kaunseling Islam adalah sebagai berikut:

- 2.2.1 Untuk membawa klien mendekati Allah (s.w.t) dengan menghayati ruh Islam dan menjalani kehidupan sehari-hari mengikuti syariat Allah (s.w.t) dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Ini boleh membawa seseorang itu hidup bertaqwa kepada Allah (s.w.t).⁹
- 2.2.2 Untuk menjadikan seseorang itu insan yang beribadah dan bertaqwa kepada Allah (s.w.t) sebagaimana prinsip asal kejadian manusia seperti terkandung di dalam al-Qur'an.¹⁰

⁸Wawancara dengan Prof. Dr. Hassan Langgulung di pejabatnya pada 11.7.1994. Beliau ialah Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa, Gombak Selangor.

⁹Syahminan Zaini, *Mengenal Manusia Lewat al-Qur'an*, Pustaka Nasional Singapore, 1980, hal. 70.

¹⁰Al-Qur'an surah al-Zariyat, ayat: 56.

- 2.2.3 Untuk memberikan kekuatan dan keyakinan diri kepada seseorang yang telah teruji agar ia berusaha dan bertawakkal kepada Allah (s.w.t) untuk mencapai matlamat hidupnya.¹¹
- 2.2.4 Untuk membantu klien dalam memilih suasana kehidupan dan memberikan ketenangan jiwa dan harapan agar seseorang itu tidak berputus asa dalam usaha hidupnya.¹²
- 2.2.5 Untuk mengembangkan personaliti individu ke arah yang lebih baik untuk menyelesaikan segala kerumitan dengan berkesan dalam kehidupannya.¹³
- 2.2.6 Untuk membekalkan pengalaman-pengalaman baru yang dapat mewujudkan peluang-peluang kepada klien supaya mereka memahami perbezaan diri mereka dengan kehidupan, perbezaan untuk menimba pengalaman dengan menyatakan perasaan mereka dan berkelakuan dengan cara-cara yang baik untuk mendapat pengalaman.

¹¹Kamal Manaf, *Kauseling Islam, Perbandingan Amalan Dan Teori Kaunseling Barat*, cet. 1, Siri Pengajaran Dan Pendidikan Utusan, 1995, hal. 42.

¹²Anshari Endang, Saifudin, *Sains, falsafah Dan Agama*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hal. 18.

¹³Haron Din (Dr), *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia*, Sincere Press Sdn. Bhd., Kajang, Selangor, 1990, hal. 19.

Kesemua pengalaman baru ini akan dapat dirasai melalui hubungan yang terjalin di antara kaunselor dengan kliennya.¹⁴

Berdasarkan kepada penjelasan di atas maka dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa tujuan kaunseling Islam adalah untuk membantu dan memberi kefahaman kepada klien menghadapi situasi sekitar atau cabaran-cabaran bagi membolehkan berlaku perubahan tingkah laku ke arah matlamat yang diingini untuk mencapai kesempurnaan diri. Manusia diberikan kebebasan oleh Allah (s.w.t) untuk membuat pelbagai pilihan dalam hidup. Manusia boleh memilih jalan yang baik atau sebaliknya, tetapi Allah (s.w.t) telah berjanji akan memberikan ganjaran baik kepada manusia yang berbuat baik dan begitulah sebaliknya. Bagi membantu seseorang membuat pilihan yang tetap mendapat keredaan Allah (s.w.t), tentulah memerlukan kaunseling, bimbingan dan panduan yang benar dan ikhlas. Insan harus dibimbing agar keupayaan dan kebolehan mengendali serta mengurus hidupnya sendiri. Dalam hal ini, kaunseling akan cuba menghindar insan daripada membuat pilihan yang tidak tepat atau pilihan yang menganiaya diri sendiri.

¹⁴ Wawancara dengan En. Abd. Wahab bin Abd. Jalil dipejabatnya pada 18.1.1995. Beliau ialah Pegawai Kaunselor Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM), Jabatan Perdana Menteri (YADIM), Kuala Lumpur.

2.3 PRINSIP-PRINSIP KAUNSELING ISLAM

Prinsip ialah asas atau dasar yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian, tindakan dan lain-lain.¹⁵ Dari penjelasan ini dapat dinyatakan bahawa kaunseling Islam meletakkan premis atau prinsipnya di atas shari'at Islam. Di antaranya adalah sebagai berikut:

- 2.3.1 Tugas penasihatuan bukan terletak kepada memberi bimbingan atau pengajaran melalui lisan atau penjelasan semata-mata, tetapi yang lebih penting ialah melalui contoh keperibadian seseorang kaunselor itu supaya memberikan kesan kejiwaan kepada kliennya. Islam menempelak ke atas orang yang bercakap sesuatu seperti memberi nasihat kepada kebaikan tetapi dia sendiri tidak melakukannya.¹⁶

- 2.3.2 Perkhidmatan kaunseling diberikan kepada individu yang menghadapi masalah individu. Kaunselor berperanan sebagai pembantu atau pendorong kepada klien dalam membuat sesuatu alternatif. Ini bererti, kaunselor hanyalah berperanan sebagai rakan pembimbing

¹⁵Kamus Dewan, *op.cit*, hal. 1056.

¹⁶Al-Qur'an surah al-Baqarah, ayat: 44.

atau pembantu untuk bertukar-tukar pendapat dan membuat perbincangan.¹⁷

2.3.3 Kaunseling Islam mendorong ke arah bertolong bantu ke arah kebaikan dan tidak bekerjasama ke arah permusuhan dan dosa.¹⁸ Konsep ini mesti disokong serta diberi galakan kepada setiap individu untuk menyatakan kebenaran. Sebaliknya mestilah mencegah sesiapa sahaja dari melakukan kemungkaran dan kejahatan.¹⁹

2.3.4 Kaunselor hendaklah benar-benar memahami roh, selok belok serta kandungan syariat Islam untuk membolehkan ia memberi panduan kepada kliennya. Ia juga mestilah menyakini bahawa hanya dengan syariat sahaja manusia boleh terbimbang dengan betul, yakin tidak dengan lain-lain peraturan hidup. Peraturan hidup yang tidak berlandaskan kepada syariat sifatnya relatif, yakni berubah-rubah dari

¹⁷Abdul Manan Mulla Bar, *Kaunseling Dalam Konteks Budaya Satu Teori Peribadi Mengenainya*, Terj. Ishammuddin Hj. Ismail, cet. 1, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1990, hal. 45.

¹⁸Al-Qur'an surah al-Maidah, ayat: 2.

¹⁹Wawancara dengan En. Mohd Daud Norakid di pejabatnya pada 7.2.1994. Beliau ialah Pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

satu keadaan atau masa ke semasa. Pendekatan syariat adalah pendekatan Allah (s.w.t) Pencipta alam dan makhluk manusia.²⁰

2.3.5 Peranan kaunselor dalam prinsip kaunseling Islam adalah sebagai penolong atau pembantu kepada klien dalam membuat keputusan. Kaunselor juga tidak boleh mempengaruhi atau memaksa klien menerima keputusan atau pilihannya. Kaunselor hanya berperanan sebagai pemberi maklumat, penerang, penjelas dan pembimbing sahaja. Setelah menerima penjelasan dan penerangan daripada kausnelor, klien sendirilah yang bertanggungjawab ke atas implikasi yang dibuatnya. Namun begitu, kaunselor hendaklah sedaya upaya memainkan peranan sebagai pendorong yang berkesan dan berkemampuan kepada klien untuk bertindak dengan waras.²¹

2.3.6 Kaunselor juga mestilah memahami konsep manusia menurut pandangan Islam. Hanya dengan kefahaman ini seorang kaunselor dapat melahirkan kesedaran untuk berusaha memperkembang

²⁰Zulkifli bin Yusof, *Bimbangan Manusia Dan Agama, Persepktif Bimbangan Kaunseling*, Arena Ilmu (M), Sdn. Bhd. Cet. 1, 1992, hal. 27.

²¹A. Rahman Hj Ahmad, *Psikoterapi menurut al-Qur'an*, Human Resource Enterprise, Selangor, 1995, hal. 15.

sakhsiah yang seimbang dan untuk pada seorang individu yang mahu diberi bimbingan nasihat. Ini disebabkan persoalan asas di dalam kaunseling ialah meneliti tentang diri manusia menerusi aspek-aspek biologi, psikologi, sejarah, ekonomi, politik dan perkembangan manusia sendiri. Dalam hubungan ini harus juga disedari bahawa Allah (s.w.t) telah menganugerahkan manusia dengan keupayaan dan kebolehan mengetahui, merasa, memikir serta mengolah persekitaran.²²

Berdasarkan kepada kenyataan di atas maka dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa prinsip kaunseling Islam ialah satu bentuk interaksi di antara seorang kaunselor dengan klien (sama ada secara individu atau kelompok) berdasarkan kepada saling percaya mempercayai, jujur dan ikhlas demi tanggungjawab kepada sesama insan dan Allah (s.w.t). Sikap percaya mempercayai ini amat penting kerana ini merupakan asas kepada kerahsiaan dalam proses kaunseling. Sekiranya tidak wujud sikap percaya mempercayai antara kaunselor dengan klien, sudah tentu akan timbul berbagai prasangka dan ragu-ragu. Justeru itu, proses kaunseling tidak akan berjaya dengan lancar dan matlamat yang hendak dicapai kemungkinan besar akan gagal. Bagi melahirkan rasa percaya klien kepada kaunselor sama ada boleh dipilih

²²Hassan Langgulung (Dr.), Kaunseling Dalam Masyarakat Islam, "Seminar Kebangsaan Kaunseling Dalam Masyarakat Islam", Kuala Lumpur, 1990, hal. 7.

sebagai rakan pembantu yang berkemampuan, ikhlas, bertanggungjawab, amanah dan sebagainya. Klien haruslah bertemu kaunselor dengan sikap atau perasaan terbuka yang timbul daripada hati nurani sendiri. Pertemuan dalam bentuk paksaan dan tidak rela tidak akan mencapai matlamat yang diharap-harapkan.

2.4 PENDEKATAN KAUNSELING DALAM ISLAM

Islam menganjurkan seluruh manusia supaya nasihat menasihati di antara satu sama lain agar manusia dapat menjalani kehidupan yang sempurna. Sehubungan dengan itu juga ada dijelaskan bahawa setiap individu muslim dipertanggungjawabkan (wajib) memberi nasihat kepada orang yang meminta nasihat. Dalam konteks yang sama kalau tidak memahami keseluruhan ajaran Islam yang murni itu dapat kita simpulkan bahawa fungsi utamanya ialah memberi penasihat kepada manusia sejagat, sesuai dengan apa yang diungkapkan oleh Nabi Muhammad (s.a.w) di dalam sabdanya:²³

عَنْ أَبِي رَقِيَّةَ تَوْمِيمَ بْنِ أُوسٍ الْذَّارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الَّذِينَ أَقْبَلُوا فَلَنَا الْمَنْ؟ قَالَ لِلَّهِ وَلِكَيْلَاهُ وَلِرَسُولِهِ وَلَا لِثَمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامِتُهُمْ رَوَهُ مُسْلِمٌ

²³ Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, Muj awal, juz. 1, Dar al-Fikr, Bab Bayan al-Deen al-Nasihat, t th, hal. 41.

Maksudnya:

“Daripada Abu Ruqaiyah Tamir bin Aus ad-Dari (r.a) bahawa Nabi Muhammad (s.a.w) bersabda: Bahawa agama itu adalah nasihat. Kami sekalian bertanya: Bagi siapa? Rasulullah (s.a.w) menjawab: Bagi Allah, kitab-Nya, Rasul-Nya dan bagi pengajur-pengajur kaum muslim dan orang awam”

Pendekatan kaunseling dalam Islam tidak dapat dipisahkan dengan meneliti masalah klien, kerana keadaan sasaran boleh menentukan bentuk pendekatan.

Dr. 'Abd al-Karim Zaidan menjelaskan bahawa pendekatan yang berkesan dan berjaya itu bermula dengan mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh klien. Kemudian meneliti metode yang sesuai untuk menyelesaiannya. Oleh kerana masalah yang dihadapi oleh klien itu berbeza di antara satu sama lain maka pendekatan kaunseling juga turut berbeza.²⁴

²⁴Dr. 'Abd al-Karim Zaidan, *Usul al-Da'wah*, Maktabah al-Manar al-Islamiyah, 1976 M/1396H, hal. 405.

Di dalam al-Qur'an, terdapat banyak ayat-ayat yang menjelaskan tentang pendekatan yang boleh dilaksanakan di dalam proses kaunseling. Tetapi ayat yang paling utama yang menjadi asas dalam perkara ini ialah sebagaimana firman Allah:²⁵

أَدْعُ إِلَيْنِ سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمُوعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدَنِهِمْ
بِالْأَقْرَبِ هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ عَلَمٌ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat petunjuk”

Berhubung dengan ayat tersebut di atas, Sayyid Qutub menjelaskan bahawa ia merupakan asas untuk memberikan bimbingan dan kaunseling dan menjadi asas dan panduan yang mesti diikuti oleh setiap kaunselor muslim. Metode tersebut adalah dengan hikmah iaitu dengan melihat kepada keadaan sasaran atau klien dan suasana mereka, kadar yang perlu supaya tidak

²⁵ Al-Qur'an surah al-Nahl, ayat: 125.

memberatkan mereka dan tidak menyusahkan mereka sebelum mereka bersedia, cara penjelasan dan kepelbagaian mengikut keperluan dan jangan sekali-kali berdasarkan emosi yang boleh terkeluar daripada hikmah.

Dengan nasihat yang baik yang boleh meresap ke dalam perasaan dengan lemah lembut, jauh sekali dari melakukan kekerasan dan paksaan.

Dengan perbahasan dan perbincangan yang baik yang tidak menimbulkan hal-hal yang tidak diingini dalam proses kauseling. Hasil dari perbincangan yang baik dapat menarik klien untuk menerima sasaran atau apa jua yang difikirkan baik untuk panduannya.²⁶

Dr. Rauf Shalabi pula menjelaskan bahawa cara hikmah, nasihat yang baik dan perbahasan yang baik merupakan pendekatan (uslub) dakwah Rasulullah (s.a.w) pada semua peringkat.²⁷

²⁶Sayyid Qutub (1909-1966M bersamaan 1327-1386 or 85H), *Fī Zilal al-Qur'an*, Dar al-Shuruq, Beirut/al-Qaherah, 1977/1397.

²⁷Rauf Salabi, *Saikolosiah al-Ra'y wa al-Da'wah*, Dar al-Qalam, Kuwait, 1982M/1402H., hal. 263.

Keterangan-keterangan yang tersebut di atas menunjukkan bahawa metode dakwah boleh dilaksanakan di dalam kaunseling dengan cara yang berbeza-beza mengikut perbezaan sasaran atau klien. Setiap pendekatan harus mengetahui masalah sebenar yang dihadapi oleh klien sebelum sesi kaunseling.

Berhubung dengan metode kaunseling dalam Islam, Dr. Wan Hussain Azmi²⁸ di dalam bukunya “Kaunseling Dan Psikologi Menurut Islam: mengatakan, bahawa untuk menjelaskan proses kaunseling mengajak klien kepada kebaikan dan petunjuk melalui dua cara:

Pertama: Hikmah (Kebijaksanaan).

Menurutnya, hikmah ialah keadilan, tahan marah, sifat-sifat kenabian, apa yang menegahkan kejahilan, setiap perkataan yang membetulkan dengan hak (kebenaran) meletakkan sesuatu kena pada tempatnya, perkataan yang betul dan tepat, apa yang menegahkan kerosakan, mengetahui sebaik-baik

²⁸Wan Hussain Azmi Abdul Kadir, *Kaunseling Dan Psikologi Menurut Islam*, DBP, cet. 1, Kuala Lumpur, 1994, hal. 44.

perkara dengan sebaik baik ilmu, al-Qur'an dengan hujjah yang menerangkan kebenaran dan menghilangkan keraguan.

Sebelas hikmah yang tersebut di atas itu bolehlah dibahagikan kepada tiga bahagian:

- a. Hikmah yang berhubung dengan sifat-sifat kaunselor iaitu enam sifat:
 - i. Kenabian (iaitu bersifat dengan sifat-sifat kenabian; iaitu benar, amanah, menyampaikan dan kebijaksanaan).
 - ii. Keadilan.
 - iii. Meletakkan sesuatu kena pada tempatnya.
 - iv. Sabar.
 - v. Apa yang menegah daripada jahil, ilmu pengetahuan yang luas.
 - vi. Pengetahuan yang sebaik-baiknya.
- b. Hikmah yang berhubung dengan isi kaunseling, iaitu tiga perkara:

- i. Al-Quran
 - ii. Tiap-tiap perkataan yang membetuli dengan hak atau kebenaran.
 - iii. Dalil yang tepat yang menerangkan kebenaran dan menghilangkan keraguan.
- c. Hikmah yang berhubung dengan alat, teknik dan strategi kaunseling, iaitu dua perkara:
- i. Alat yang menegahkan kerosakan (keburukan).
 - ii. Sesuatu yang diletakkan (digunakan) betul-betul sesuai (iaitu dengan tempat dan masanya).

Kedua: Pengajaran Dan Nasihat Yang Baik

(Al-Maw'izah al-Hasanah)

Pengajaran dan kata nasihat yang baik ialah memalingkan dari keburukan dengan cara memberi kegemaran dan perangsang meninggalkannya, dan memasukkan rasa tidak mahu membuatnya. Cara ini menjadikan hati lembut yang membawa kepada tenteram.

Dengan nasihat yang baik boleh memasukkan ke dalam hati klien dengan halus dan mendalam dan masuk ke dalam perasaan jiwa dengan lembut, bukannya dengan kekerasan dan celaan dengan mendedahkan kesalahan yang berlaku. Kerana dengan lemah lembut dalam memberi kesedaran dan petunjuk kepada hati yang sesat dan menjinakkan hati yang liar dan boleh menghasilkan natijah yang lebih baik. Firman Allah:²⁹

فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنْ أَلَّا يُنَتَّ لَهُمْ وَلَوْكُنْتَ فَطَاعَ إِلَيْهِ الْقَلْبُ لَا تَنْصُو مِنْ حَوْلِكَ

Maksudnya:

“Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaularah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.

²⁹ Al-Qur'an surah Ali Imran, ayat: 159.

Ayat di atas menunjukkan bahawa dengan adanya sikap yang lemah lembut membuatkan seseorang itu merasa dirinya dihargai dan dihormati. Sebab itu kaunselor harus menggunakan pendekatan ini dalam sesi kaunseling. Dalam konteks ini juga, kaunselor hendaklah memberi rasa kepadaanya bahawa mereka berdua (kaunselor dan klien) sama seperti seorang sahabat yang sama-sama mencari penyelesaian bagi perkara yang dibincangkan seolah-olahnya masalah yang dibincangkan itu adalah masalah bersama.

Menurut pendapat Hj. Abd. Rahman bin Ahmad dalam *Bimbingan Dan Kaunseling Dari Perspektif Islam* bahawa pendekatan atau metode kaunseling dalam Islam berdasarkan kepada proses dan perhubungan adalah seperti berikut:³⁰

a. Bercakap Dengan Lemah Lembut

Prinsip ini berdasarkan kepada firman Allah.³¹

³⁰ Abd. Rahman bin Ahmad, *Bimbingan Dan Kaunseling Dari Perspektif Islam*, cet. 1, Human Resource, Enterprise, Selangor, 1989, hal. 77.

³¹ Al-Qur'an surah Taha, ayat: 43-44.

﴿ إِذْ هَبَآ إِلَيْ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ۚ قَوْلَاهُ فَقَوْلَاهُ لَعْلَهُ يَسْتَدْكُرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴾

Maksudnya:

"Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun sesungguhnya ia telah melampaui batas di dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut semoga ia beringat atau takut"

Firman-Nya lagi.³²

وَلَوْ كُنْتَ فَظُلْأَ غَلِظَ الْقَلْبُ لَا نَفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ

Maksudnya:

"... dan kalaular engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu"

- b. Menggunakan Perkataan Yang Baik

³² Al-Qur'an surah Ali Imran, ayat: 159.

Firman Allah:³³

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا أَلَّا تَهْوَى هَـٰ أَحْسَنٌ

Maksudnya:

“Dan katakanlah wahai Muhammad kepada hamba-hambamu yang berilmu supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat (baik kepada orang yang menentang kebenaran):

Firman-Nya lagi:³⁴

قُولْ مَعْرُوفٍ وَمَغْفِرَةً خَيْرٌ مِنْ صَدَقَةٍ يَتَبَعَهَا أَذْنٌ وَاللهُ غَنِيٌّ حَلِيمٌ ﴿٢٦﴾

Maksudnya:

“Perkataan yang baik dan pemberian maaf itu lebih baik dari sedekah yang diiringi dengan sesuatu yang menyakitkan . Allah Maha Kaya Lagi Maha Pengampun”

³³ Al-Qur'an surah Al-Isra, ayat: 53.

³⁴ Al-Qur'an surah Al-Baqarah, ayat: 263.

Ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa peranan menasihati seseorang untuk melakukan sesuatu tidak semudah seperti yang diharapkan. Dengan demikian adalah penting sekali supaya proses kauseling itu diberikan dengan cara yang sebaik-baik mungkin. Iaitu dengan menggunakan bahasa yang lemah lembut dan wajah yang menggambarkan keikhlasan kita menasihatinya.

c. Menggunakan Kebijaksanaan.

Firman Allah:³⁵

أَدْعُ إِلَّا سَبِيلَ رَبِّيَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْمُسَنَّةِ وَجَدِيلَهُمْ
بِالْأَقِيرِ هِيَ أَحَسَنُ إِنْ رَبِّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَا يَعْلَمُ مِنْ ضَلَالٍ عَنْ سَبِيلِهِ
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah bijaksana dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang

³⁵ Al-Qur'an surah al-Nahl, ayat: 125.

*engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik,
kesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih
mengetahui akan orang sesat dari jalan-Nya, dan
Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-
orang yang mendapat hidayah petunjuk”*

Menurut pendapat al-Shaukani bahawa perkataan *hikmah* (bijaksana) yang terdapat di dalam surah al-Nahl ayat 125 itu ialah ucapan-ucapan yang benar dan munasabah yang mengandungi hujah-hujah yang kukuh, benar dan menyakinkan. Manakala *mu'izah al-hasannah* (pengajaran yang baik) pula adalah percakapan yang berisi nasihat-nasihat yang baik, tegas dan dapat membuat hati manusia sehingga yang mendengarnya tergerak dan mengambil manfaat daripadanya. Sementara *al-mujadalalah al-husna* (perbincangan yang baik) ialah perbincangan dengan penuh sopan santun dan akhlak yang mulia tanpa menimbulkan rasa penghinaan atau menyentuh harga diri, sehingga perbincangan tersebut dapat menimbulkan rasa penghargaan kepada masing-masing hujah yang dikemukakan dan memberi kesedaran kepada kedua-duanya untuk menilai yang mana satu yang hak atau batil.³⁶

³⁶Muhammad bin Ali al-Syaukani, *fath al-Qadir*, Beirut, 1973, hal. 3 – 23.

Pendekatan kaunseling dengan menggunakan *hikmah* (bijaksana) Muhammad al-Sabuni menjelaskan bahawa diperlukan kepada tiga perkara utama, iaitu:³⁷

- a. Persekutaran sosial dan taraf kemasyarakatan orang atau masyarakat yang menjadi sasaran kaunseling.
- b. *Standard* atau tingkatan bahan dan proses kaunseling yang akan disampaikan kepada klien agar bersesuaian dengan tahap kefahaman dan intelektual mereka.
- c. Pendekatan yang sesuai dan munasabah dengan menggunakan pelbagai cara yang dapat membangkitkan semangat klien saranan yang dikemukakan itu dapat diterima dengan hati dan fikiran yang terbuka.

Metode *maw'izah al-hasannah* (pengajaran yang baik) pula menurut beliau memerlukan perkara-perkara di bawah ini:

³⁷ Muhammad al-Sabuni, *Mukhtar Tafsir Ibn Kathir*, Dar al-Qur'an al-karim, Beirut 1981, hal. 18 – 111.

- a. Peraturan yang lembut dan menarik sehingga pendengarannya mudah terpesona dan tertarik hati untuk menerimanya.
- b. Menjauhi sikap bongkak dan membanggakan diri apatah lagi bersikap kasar atau berperilaku kurang sopan.
- c. Menghindari kata-kata sindiran yang boleh menodai harga diri dan kehormatan orang yang diberi nasihat walaupun perbuatan itu jelas berlaku. Ini mungkin kerana ia menyedarinya atau tersilap faham.

Sementara dalam menggunakan metode *al-mujadalah* (perbincangan), diperlukan perkara-perkara berikut, iaitu:

- a. Tidak merendahkan pihak yang diajak berunding (klien) apa lagi menodai harga dirinya sehingga ia merasa yakin bahawa tujuan perbincangannya bukannya mencari kemenangan dalam berhujah, tetapi bertujuan untuk mencari kebenaran yang patut difahami.
- b. Matlamat perbincangan adalah semata-mata menunjukkan kebenaran yang sudah sedia menjadi fitrah kepada semua umat manusia iaitu kebenaran Islam.
- c. Tetap menyatakan penghargaan kepada yang diajak berbincang (klien), sebab harga diri setiap manusia adalah

sesuatu yang sangat berharga dalam kehidupannya. Dalam perbincangan tidak sepatutnya menimbulkan rasa menang atau kalah di antara semua pihak, malah sepatutnya ditimbulkan rasa manfaat yang bernilai dalam perbincangan itu.

Yusuf al-Qaradawi menambah penjelasan yang dinyatakan di atas mengenai pentafsiran metode *al-mujadalah* (perbincangan) yang menurut beliau *bermujadalah* mengandungi dua cara, iaitu *mujadalah* yang baik (*ahsan*) dan *mujadalah* yang tidak baik. Al-Qur'an secara tegas menggariskan bahawa salah satu metode kaunseling dalam Islam ialah menggunakan metode *mujadalah* yang lebih baik (*ahsan*). Maka *mujadalah* yang lebih baik ini ialah dengan menyebutkan aspek-aspek persamaan antara pihak yang *bermujadalah*, kemudian dari situlah baru dibahaskan masalah-masalah perbezaan yang ada sehingga diharapkan dapat menemukan titik yang diharapkan tanpa memberi kesan kekalahan atau penodaan harga diri. Malah dengan penuh kesabaran menerima kebenaran dengan hati dan fikiran terbuka.³⁸

³⁸ Al-Qaradawi, Yusuf (Dr), *Al-Sahwah al-Islamiyah*, Risalah al-Malakin al-Shariyyah wa al-Shuum al-Diniyyah, Qatar, 1982, hal. 212.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas maka dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa Islam mempunyai pendekatannya yang tersendiri terhadap aktiviti kaunseling iaitu pendekatan berdasarkan metode yang telah ditentukan oleh Allah (s.w.t) di dalam al-Qur'an surah an-Nahl ayat 125. Jika dilihat sepantas lalu bahawa metode ini digunakan untuk tujuan dakwah, tetapi boleh digunakan untuk tujuan aktiviti kaunseling kerana objek dakwah dan kaunseling itu ialah manusia. Dengan itu metode yang telah ditentukan oleh Allah (s.w.t) di dalam al-Qur'an merupakan pendekatan Islam terhadap kaunseling iaitu *al-hikmah* (kebijaksanaan), *al-mau'izah al-hasannah* (nasihat dan pengajaran yang baik dan *al-mujadalah al-husna* (perbincangan yang terbaik). Dengan adanya panduan ini, maka kaunselor muslim dapat melaksanakan pendekatan ini kerana ia telah ditentukan oleh Allah (s.w.t) yang tidak ada keraguannya. Dengan pendekatan ini dapat menarik klien ke arah menerima kebenaran dan petunjuk.

2.5 KEDUDUKAN KAUNSELING INDIVIDU DAN KELOMPOK DARI PERSPEKTIF ISLAM

Pendekatan kaunseling dalam dakwah merupakan satu pendekatan yang pernah diguna pakai oleh Rasulullah (s.a.w) ketika diperangkat awal Islam. Sejak menerima wahyu yang pertama, baginda Rasulullah (s.a.w)

terus menerus menyampaikan perkara itu kepada orang-orang yang terdekat dengannya.

Dengan pendekatan ini baginda Rasulullah (s.a.w) berdakwah kepada mereka satu persatu dengan memberikan bimbingan dan pengajaran secara perseorangan dengan cara sulit. Pendekatan ini digunakan supaya tidak menimbulkan kontravensi di kalangan masyarakat yang menyertainya yang masih memegang teguh idealisme tradisionalnya iaitu kepercayaan animisme, paganisme sebagai warisan nenek moyang mereka.³⁹

Lebih kurang tiga tahun lamanya, Rasulullah (s.a.w) melaksanakan pendekatan ini dan telah berjaya menarik masuk anggota keluarganya dan sahabat handainya ke dalam Islam, seperti Khadijah bte Khuwailid, Ali bin Abi Talib, Zaid bin al-Harith, Abu Bakar al-Siddiq, Uthman bin Affan, Zubair Ibn Awwam, Abdul Rahman bin 'Auf, Saad bin Abi Waqas dan lain-lainnya.

³⁹Mukahtar bin Shafie, *Sebelum Dan Sesudah Wahyu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hal. 89.

Dengan pendekatan yang dilakukan ini dapat difahami bahawa Rasulullah (s.a.w) menggabungkan dua etika kerja yang sememangnya perlu direalisasikan oleh umat Islam dalam segala usaha yang dilakukannya di dunia ini, iaitu ikhtiar manusiawi dan tawakkal kepada Allah (s.w.t). Di samping itu, dapat difahami pula bahawa aktiviti dakwah Islamiah mesti sentiasa mematuhi keadaan dan kondisi sasaran dakwahnya. Jika keadaan belum memberi peluang yang memadai bagi tujuan mendedahkan dakwah secara terbuka, maka pendekatan individu seperti ini perlu memilih pendekatan yang sesuai dan munasabah agar dakwah Islamiah dapat membawa kesan yang maksima.⁴⁰

Manakala kaunseling kelompok pula ialah kaunseling yang dilakukan dalam bentuk kumpulan. Di dalam Islam pendekatan ini dikenali sebagai *manhaj tarbiyyah* (pendekatan pendidikan). Ia merupakan lanjutan kepada pendekatan individu, di mana mereka yang sudah menerima Islam perlu diberi didikan yang kukuh sehingga mereka tidak mudah dipengaruhi oleh pihak musuh. Dengan wujudnya sahsiah yang kukuh ia boleh mempengaruhi orang luar untuk mengikuti jejak mereka. Di sinilah letaknya kepentingan pendekatan pendidikan dan bimbingan ini bagi membangun manusia contoh

⁴⁰Said Ramadan, Al-butî, *Fiqh Sirâh, Dar al-Fikr*, Beirut, 1980, hal. 95.

yang boleh mempengaruhi orang luar menerima Islam secara mudah dan senang hati.⁴¹

Di dalam kaunseling kelompok terdapat sikap bekerjasama di kalangan ahli kelompok di dalam aktiviti kelompok. Ia dikendalikan oleh orang kaunselor sebagai pemudah cara (*facilitator*) kepada ahli kelompok.

Kerjasama dalam Islam ialah usaha-usaha yang boleh mendatangkan kebajikan bagi membina kehidupan yang harmoni. Kerjasama di sini ialah menolak dan melarang penekanan atas falsafah persaingan atau konflik dalam kelompok. Kerjasama boleh dilakukan dalam hal-hal kebajikan dan *ma'ruf*, tidak dalam perkara *mungkar* dan permusuhan.⁴²

Di dalam aspek perhubungan pula, di dalam Islam ia dikenali sebagai *mu'amalah* iaitu hubungan mesra dan hormat menghormati di antara satu sama lain. Di dalam aspek perhubungan ini, terdapat ciri-ciri tindakan berhikmah untuk mengelakkan konflik dan keretakan hubungan dalam

⁴¹ Abdul Halim El-Muhammady, Pendidikan Islam: Skop Dan Matlamatnya dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, bil. 1, Sinar Ilmu, Kuala Lumpur, 1984, hal. 11.

⁴² Al-Qur'an surah al-Maidah, ayat: 2.

kelompok. Perhubungan berhikmah ini meliputi aspek-aspek percakapan dan arahan yang baik, mudah dan jelas, bertimbangrasa, bertolerasi dan bermaafan, hubungan dan layanan yang saksama dan tunjuk ajar yang berteladan.⁴³

Ditinjau dari aspek pemimpin atau pemudah cara dalam kelompok, kaunselor merupakan orang yang bertanggungjawab kepada ahli kelompok. Dalam Islam, pemimpin adalah khalifah dalam ertikata yang istimewa ia sebagai imam dengan pegangan amanah dan tanggungjawab.⁴⁴

Sebagai seorang yang diamanahkan kepada tugas dan tanggungjawab, ia perlu kepada peribadi dan akhlak untuk menjadi aspirasi kepada ahli kelompok. Ia juga berfungsi sebagai pemimpin yang bertanggungjawab terhadap ahli kelompok dalam mengendalikan aktiviti kelompok. Konsep tanggungjawab ini termaktub di dalam Islam sebagaimana sabda Rasulullah (s.a.w).⁴⁵

⁴³ Mohd Shahwahid bin Hj. Othman (Dr.), *Pengurusan Organisasi Memurut Perspektif Islam*, Persatuan Siswazah Islam Universiti Pertanian Malaysia (PERSIS), cet. 1, Selangor, 1991, hal. 24.

⁴⁴ Abu 'Urwah, *Konsep-konsep Umum Islam*, Pustaka Salam, cet. 11, Kuala Lumpur, 1990, hal. 38.

⁴⁵ *Sahih Bukhari*, juz. 1, Dar al-Matabi' As-Sya'bi, Misr, t.t., hal. 236.

كلكم راع و كلكم مسوول عن رعيته

Maksudnya:

"*Semua kamu pemimpin, dan tiap-tiap pemimpin bertanggungjawab terhadap orang-orang yang dipimpinnya...*"

Kaunseling kelompok yang dilaksanakan dalam bentuk pengajaran, ceramah, diskusi dan kuliah merupakan satu *uslub* (pendekatan) di dalam dakwah. Di dalam Islam ceramah biasanya digunakan untuk memperbaiki keadaan tertentu dengan mengemukakan dalil dan bukti serta menyebutkan pandangan orang lain dalam masalah itu dan mengemukakan pendapat yang benar.⁴⁶

⁴⁶Dr. Abdul Karim Zaidan, *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*, terj. H.M. Asywadi Syukur, L.C., Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, jil. 1, cet. 111, 1987, hal. 271.

Manakala kuliah pengajaran pula biasanya digunakan untuk menerangkan tentang ayat-ayat al-Qur'an hadis-hadis Nabi atau pun masalah agama yang berhubung dengan fiqh dan tauhid.⁴⁷

Begitu juga dengan seminar, diskusi dan dialog semuanya berbentuk bimbingan dalam kelompok yang melibatkan seorang penceramah dengan beberapa orang pendengar. Kaedah ini merupakan satu ruang di mana berlakunya perbincangan dan pertukaran pendapat di antara dua orang atau lebih mengenai sesuatu perkara.⁴⁸

Berdasarkan kepada penjelasan di atas dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa kaunseling individu dari perspektif Islam ialah kaunseling yang dilakukan di antara kaunselor dengan klien secara langsung (face to face communication). Kaunselor akan menyampaikan mesejnya kepada klien dengan jelas, terang dan penuh diplomasi.⁴⁹ Kaunselor terdiri daripada mereka yang berilmu pengetahuan dan berketrampilan, memahami selok belok perhubungan, menjadi contoh teladan kepada sasaran dan

⁴⁷ Akmal Hj. Mohd Zain, *op.cit.*, hal. 17.

⁴⁸ Drs. Abdul Kadir Munsyi, *op.cit.*, hal. 7.

⁴⁹ Al-Sayyid Mohd. Noh, *Fiqh al-Da'wah al-Fardiyah fi al-Manhaj al-Islami*, cet. 3, Dar al-Wafa, hal. 55-67. Lihat juga al-Qur'an surah al-Nahl, ayat: 125.

memiliki sifat-sifat yang terpuji, berdasarkan kepada *al-Nahjah al-Sohih* dan sumber-sumber yang asasi iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Cara ini merupakan salah satu syarat penyampaian dalam kaunseling. Dengan penyampaian yang jelas dan terang akan menentukan kejayaan kaunseling. Kebanyakan ini dijelaskan oleh Zain al-'Abidin di dalam kitabnya *al-I'lam al-Islam wa al-'Alaqat al-Islamiyah*.⁵⁰

Manakala kaunseling kelompok pula ialah kaunseling yang dilakukan di antara kaunselor dengan beberapa orang ahli kelompok. Kaunselor (pembimbing) bertindak sebagai ketua kumpulan atau pemudah cara. Mereka berkumpul untuk menjalankan sesi kaunseling kelompok. Sesi itu dimulakan dengan ahli kelompok memperkenalkan diri (*ta'aruf*) masing-masing. Langkah ini adalah untuk mewujudkan kerjasama (*ta'awun*) dan perhubungan akrab dan mesra di kalangan ahli kelompok. Kaunselor akan menjelaskan struktur untuk semua ahli melaksanakannya. Pembimbing bertindak sebagai ketua kumpulan berinteraksi sebagai pengawas terhadap ahli kelompok dan mengawasi perkembangannya untuk menggalakkan pertumbuhan interaksi dan perpaduan kelompok.

⁵⁰ Al-Rakibi Zain al-'Abidin, *Al-Nazariyyah al-Islamiyah fi al-I'lam wa al-'Alaqat al-Insaniyah*, *al-I'lam al-Islam al-'Alaqat al-Insaniyah*, Riyadh, 1979, hal. 299.

Kauselor juga kadang-kadang bertindak sebagai guru atau penceramah dengan mengadakan kelas untuk memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada ahli kelompok kepada perkara-perkara berkaitan dengan penilaian. Ada kelompok juga membuat penjelasan mengenai nilai-nilai dan kemahiran berkomunikasi. Mereka mengajukan masalah yang mereka hadapi itu kepada kaunselor (pembimbing). Kaunselor memberikan beberapa alternatif dan klien akan membuat keputusan mengenai kaedah untuk mengelakkan diri dari tercebur dalam kegiatan yang tidak sihat.

2.6 KEPENTINGAN KAUNSELING UNTUK DAKWAH

Sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini bahawa kaunseling adalah satu proses pertemuan bersemuka di antara kaunselor dengan klien yang memberi pertolongan untuk melahirkan suatu suasana yang dapat memberi kesedaran, ketenangan, ketenteraman dan galakan pemahaman berhubung dengan masalah yang dihadapinya. Dengan adanya interaksi di antara kaunselor dengan klien akan dapat membantu klien menerima aspek diri yang menimbulkan kesulitan dengan memberi keinsafan mengenai diri serta fahaman yang perlu bagi mencapai kehidupan yang lebih sempurna.⁵¹

⁵¹ Sila rujuk, "Pengertian Kaunseling" dalam bab pertama.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas maka dapat dibuat satu kesimpulan bahawa kaunseling merupakan salah satu alat atau teknik yang boleh digunakan untuk dakwah kerana ia dapat membantu dakwah untuk membangun manusia. Kepentingan kaunseling untuk dakwah adalah sebagai berikut:

2.6.1 Pembinaan Rohani Yang Murni

Kaunseling berperanan dalam dakwah iaitu membina jiwa klien dengan menekankan kepada aspek pembangunan rohani. Dengan pembinaan rohani, klien dapat berfungsi sebagai insan yang bertaqwa. Pentingnya pembinaan rohani ini kerana kejadian manusia merangkumi dua komponen utama, iaitu jasad dan roh yang dipanggil hati atau kalbu.⁵²

Bagi menjamin kesejahteraan dan kesihatan jasad, ia memerlukan keperluan material yang berupa makanan, minuman dan pakaian. Manakala

⁵²Aishah Hassan, *Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-Anak*, bahagian satu, cet. 1, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, 1988, hal. 24. Haron Din (Dr.), *Mansia Dan Islam*, Percetakan Watan, Sdn. Bhd., 1988, hal. 12.

roh juga memerlukan makanan rohani untuk menjadi pelengkap kepada sifat-sifat kesuciannya bagi mencapai martabat yang tinggi.⁵³

Menurut perspektif Islam, aspek kerohanian mendapat tempat yang paling utama dan teratas, kerana dengan kesucian rohaniah seseorang individu itu akan dapat mencapai serta dapat mendekatkan dirinya dengan Allah (s.w.t) dalam usaha menaikkan martabat kemanusiaannya.⁵⁴ Pandangan ini disokong oleh ahli-ahli psikologi yang mengutamakan kepentingan aspek kerohanian dari aspek jasmani. Sehubungan dengan itu Nabi Muhammad (s.a.w) pernah bersabda:⁵⁵

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْتَظِرُ إِلَيْ صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْتَظِرُ
إِلَيْ قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ .
رواه سلمان رايه ماجه

⁵³ Aishah Hassan, *op.cit.*, hal. 25.

⁵⁴ Khairah Husain Taha Sabir, *Daur al-'Umm fi al-Tarbiyah al-Tifl al-Muslim*, hal. 71. Muhammad Qutb, *Manhaj al-tarbiyah al-Islamiyah*, cet. 6, juz. 1, Dar al-Shuruq, Beirut, 1402H/1982M, hal. 74. Wan Zahid bin Wan Teh, *Identiti Dan Kandungan Pendidikan Islam*, cet. 1, Bahagian Hal Ehwal Pendidikan Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1986, hal. 25.

⁵⁵ Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Birr Wa al-Silat Wa al-Adab, Bab Tahrim Zulm al-Muslim wakhzlihi Wahtiqarihi.

Ertinya:

“Dan sesungguhnya Allah tidak memandang kepada rupa paras kamu dan harta kamu, tetapi Allah memandang kepada hati kamu dan amalan kamu”

Hadis di atas menerangkan bahawa kriteria yang menjadi pengukur bagi menentukan kemuliaan seseorang hamba Allah (s.w.t) adalah berdasarkan kemuliaan kerohanian, bukannya dari aspek kesempurnaan fizikal. Justeru itu Islam memberikan perhatian yang khusus terhadap apsek kerohanian ini, kerana ianya menjadi tumpuan asas kepada hakikat kejadian manusia serta pusat kawalan yang mengawasi seluruh aktiviti kehidupan mereka di samping merupakan alat perhubungannya dengan Allah (s.w.t).

Bimbingan dan pendidikan rohani boleh didefinisikan sebagai penerapan nilai-nilai keimanan yang murni dan penamaan akhlak terpuji ke dalam jiwa klien seperti sifat keberanian, benar dalam pertuturan, suka kepada kebaikan, dapat menahan diri dari kemarahan dan lain-lain lagi. Matlamat utamanya ialah pembentukan peribadi mulia agar menjadi manusia

yang sempurna di samping dapat melaksanakan semua kewajipan seorang mukallaf dengan baik apabila mencapai usia dewasa.⁵⁶

Sungguhpun urusan iman merupakan satu-satunya urusan yang unik, sukar serta mencabar tetapi ianya dapat dikuasai dengan mudah menerusi ilmu pengetahuan Islam dan pendidikannya. Kesepaduan ilmu Islam yang berteraskan aqidah syariat dan akhlak yang diimplementasikan oleh junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w) itu, dalam masa yang singkat sahaja dapat meroboh hati, fikiran, tanggapan serta struktur masyarakat 'Arab dari bentuk kehidupan jahiliyah dan kufur kepada iman dan tauhid.⁵⁷

Asas pendidikan rohani ialah pendidikan keimanan, di mana menerusinya dapat seseorang itu mengenal serta beriman kepada Allah (s.w.t), beriman dengan kitabNya, malaikat, rasul-rasul, hari qiamat serta qada dan qadar Allah (s.w.t). Beriman kepada setiap sesuatunya adalah berpunca di hati dan dibuktikan kebenaran keyakinan tersebut dengan

⁵⁶ Abdul Kadir Haji Ismail, *Prinsip-prinsip Pendidikan*, cet. 2, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1981, hal. 179.

⁵⁷ Abdul Ishak, *Iman Dan Bekalan Abadi*, cet. 1, Darul Ulum, Kedah, 1993, hal. 139-140.

amalan, iaitu dengan melakukan segala perintah Allah (s.w.t).⁵⁸ Bagi menjelaskan definisi iman itu Rasulullah (s.a.w) ada bersabda:

الإيمان معرفة بالقلب وقول باللسان وعمل بالاركان
(رواه ابن ماجه)

Maksudnya:

"Iman itu adalah pengakuan di hati, pengucapan dengan lidah dan beramal (melakukan) dengan anggota"⁵⁹

Justeru itu apa yang dimaksudkan dengan beriman ialah pengakuan hati, pengucapan lidah dan pengamalan anggota, di mana ketiga-tiganya merupakan suatu kesatuan yang sering berinteraksi yang sekali-kali tidak dapat dipisah-pisahkan.

Iman itu merupakan suatu anugerah Allah (s.w.t) dan nikmat-Nya yang paling bernilai dan tinggi nilainya kepada seseorang hamba. Orang-

⁵⁸ Abdullah al-Qari bin Hj. Salleh, *Dasar-Dasar Pendidikan Menurut Islam*, cet. 2, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, 1982, hal. 61.

⁵⁹ Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Muqaddimah, Bab al-Imam, Juz 1, Dar al-Fikr, (t.t.), hal. 26.

orang yang beriman dengan Allah (s.w.t) dijamin kehidupan yang baik suci serta sempurna di dunia ini kerana mereka dipandu oleh sistem kehidupan dan pentadbiran rabbani yang berasaskan wahyu. Di akhirat kelak mereka dijanjikan dengan pembalasan syurga yang kekal abadi, kerana pegangan aqidah yang betul dan kepatuhan mereka terhadap syariat Allah (s.w.t) secara keseluruhannya di dunia ini. Manakala golongan kufur, mereka hidup dalam keadaan jahil, kotor, meraba-raba dan pincang kerana tidak memiliki sistem kehidupan dan pentadbiran yang terjamin dan kukuh, kecuali undang-undang ciptaan (ideologi) mereka sendiri yang tidak berasas dan jauh dari kebenaran. Di akhirat golongan tersebut dijanjikan dengan azab neraka yang kekal abadi kerana kesalahan dan keingkarhan mereka terhadap hukum-hukum Allah (s.w.t). Juteru itu setiap individu muslim hendaklah berasaskan pendidikan rohani atau pendidikan dalaman yang mengarah manusia supaya menjadi manusia yang baik dan taat.⁶⁰

Beriman kepada Allah (s.w.t), iaitu beriman atau mempercayai segala rukun iman yang enam secara jazam. Di mana antara satu dengan lainnya adalah saling kait, hubung menghubungi dan beriman kepada tiap-tiap satu rukun itu hendaklah secara menyeluruh dan komprehensif. Dengan lain perkataan, seseorang itu tidaklah dikatakan beriman kepada Allah (s.w.t)

⁶⁰ Abdul Khairi Al-Latifi, *Keruntuhan Martabat Umat Islam*, cet. 1, Dar al-Nu'man, Kuala

perkataan, seseorang itu tidaklah dikatakan beriman kepada Allah (s.w.t) andainya ia tidak mempercayai lain-lain rukun iman yang ada atau menolak salah satu sahaja daripada rukunnya. Begitu juga mereka tidak diakui beriman, andainya pada tiap-tiap satu rukun itu diimaninya tidak secara menyeluruh. Dengan itu apa yang dimaksudkan dengan beriman kepada Allah (s.w.t) ialah mempercayai rukun iman yang enam secara saling kait dan menyeluruh serta tidak dapat dijuzuk-juzukkan.⁶¹

Sesungguhnya tauhid merupakan punca segala bentuk kebaikan, sebaliknya syirik pula merupakan punca berbagai kejahatan dan kezaliman.⁶² Sifat syirik yang menghantui mana-mana umat dan dalam apa situasi sekalipun ia merupakan suatu bentuk kelemahan dan kehinaan. Kerana berlandaskan sifat tersebut seseorang individu itu bukan sahaja hidup tanpa panduan dan hidayah bahkan sanggup mengabdikan diri dan menyembah kepada ciptaan tangannya sendiri.⁶³ Justeru itu setiap individu muslim hendaklah diberikan pendidikan agama, iaitu pendidikan iman kepada Allah (s.w.t) sejak dari kecil lagi.

⁶¹ *Ibid.*, hal. 24.

⁶² Hasan al-Syarqawi, *Nahw Turbiyah Islamiyah*, Iskandariah: Mu'assasah Sya'babb al-Jami'ah, 1983, hal. 88.

Realiti yang berlaku dalam masyarakat kini, menunjukkan bahawa golongan yang kurang mendapat pendidikan agama sanggup melakukan pelbagai kekejaman dan kejahanan. Laporan kajian oleh 13 orang pakar akademik lima buah universiti tempatan (UKM, UPM, USM, UTM dan UUM) ke atas 6110 orang remaja mengenai amalan lepak yang berlaku di semenanjung Malaysia, mendapati kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai didikan agama. Menurut laporan itu juga sebanyak 83% remaja lepak adalah terdiri dari bangsa Melayu. Ini menunjukkan bahawa tahap penghayatan dan amalan Islam di kalangan remaja Melayu yang beragama Islam berada di dalam tahap yang amat rendah.⁶⁴

Oleh itu, semua pihak perlulah berusaha untuk mengatasi permasalahan tersebut. Memandangkan kebanyakan remaja secara umumnya berada di bangku persekolahan, maka pihak kerajaan sebagai orang yang bertanggungjawab dalam institusi pendidikan formal mestilah mewajibkan pelajar-pelajar supaya mengamalkan ajaran Islam serta nilai-nilai yang baik (bagi bukan orang Islam). Sehubungan dengan itu, Hassan Langgulung menegaskan, kurikulum pelajaran agama bagi sekolah menengah bantuan kerajaan, haruslah direka sesuai dengan peringkat perkembangan kaum remaja. Pendidikan agama mempunyai fungsi untuk memberi kesejahteraan

⁶⁴ "83 Peratus Remaja Lepak Melayu" dalam *Berita Harian*, pada Khamis, 16hb. Jun, 1994, hal. 18.

spiritual, psikologi dan sosial bagi seseorang pelajar. Banyak perkara-perkara yang dihadapi oleh kaum remaja tidak dapat diselesaikannya sendiri juga oleh orang lain tetapi dapat diselesaikan oleh agama, sebab agama mengandungi ajaran-ajaran yang menyentuh tentang dunia dan akhirat. Kekosongan jiwa yang biasa wujud di peringkat remaja yang boleh mencetuskan bibit-bibit kekecewaan dan kegagalan dapat diisi dengan pelajaran tauhid dan disokong pula oleh ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith.⁶⁵

Bagi mengukuhkan kekuatan iman seseorang individu, al-Qur'an menyeru manusia supaya memerhatikan tanda-tanda kewujudan dan kebesaran Allah (s.w.t) terhadap kejadian-kejadian-Nya seperti kejadian bulan, bintang, matahari dan pelbagai jenis planet serta kejadian manusia itu sendiri.⁶⁶ Natijah dari pemerhatian dan penyelidikan tersebut, akan dapat menambahkan lagi keimanan kepada Allah (s.w.t) di samping dapat pula memanfaatkan segala hasil penemuan tersebut dalam kehidupan mereka.⁶⁷

⁶⁵ Abdullah bin Hj. Ishak, *Perkembangan Pelajaran Agama Islam Sekolah-Sekolah Menengah Kerajaan Selangor Selepas Merdeka Hingga 1980; Suatu Tinjauan Mengenai Kurikulumnya*, hal. 183-184.

⁶⁶ Muhammad Qutb, *Manhaj al-Tarbiyah al-Islamiyah*, jil. 1, *op.cit.*, hal. 47. Abdullah Nasih 'Ulwani, *op.cit.*, hal. 164.

⁶⁷ Wan Zahidi bin Wan Teh, *op.cit.*, hal. 27-28.

Akidah tauhid menjadi syarat mutlak dalam menentukan pengakuan pengabdian diri seseorang individu terhadap Khaliknya. Sehubungan dengan itu Allah (s.w.t) berfirman:⁶⁸

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Maksudnya:

"Hanya Engkaulah (ya Allah) yang kami sembah
dan hanya Engkaulah kami minta pertolongan"

Nas al-Qur'an di atas menjelaskan bahawa pengabdian diri kepada Allah (s.w.t) menuntut hamba-Nya supaya membebaskan diri daripada perhambaan terhadap sesama makhluk, kecuali hanya semata-mata kepada Allah (s.w.t). Orang yang jahil dengan syari'at Allah (s.w.t) itu akan bersifat angkuh dan enggan beribadat kepada-Nya, mereka akan menyembah selain daripada-Nya. Mengenainya Ibn Taymiyah menyatakan:⁶⁹

وَكُلُّ مَنْ أَسْتَكَبَرَ عَنْ عِبَادَةِ اللَّهِ لَا بُدَّ أَنْ يَعْبُدَ غَيْرَ
اللَّهِ فَإِنَّ إِلَّا نَسَانٌ حَسَانٌ مُتَحْرِكٌ بِالْأَعْرَادِ ...

⁶⁸ Mahmud Junus, *Terjemahan al-Qur'an*, surah al-Fatihah, 1: 5, hal. 2.

⁶⁹ Ibn Taymiyah *op.cit.*, hal. 31. Yusuf al-Qardhawi, *Matlamat Dan Tujuan Ibadah Dalam Islam*, Terj: Hasan Idris cet. 3. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia, 1986, hal. 18.

Ertinya:

"Tiap-tiap orang yang angkuh dan enggan beribadah kepada Allah (s.w.t) pasti akan beribadah menyembah yang lain, kerana manusia adalah makhluk yang sensitif bergerak memurut iradat"

Sekiranya orang yang menyembah selain dari Allah (s.w.t) menjadi musyrik, maka begitu juga orang yang takabur menjadi musyrik. Oleh yang demikian, Fir'aun seorang yang paling angkuh, enggan beribadah kepada Allah (s.w.t) adalah musyrik.⁷⁰ Sedangkan pada hakikatnya setiap individu sepatutnya mengabdikan dirinya semata-mata kepada Allah (s.w.t) sesuai dengan matlamat penciptaan di muka bumi ini seperti yang ditegaskan oleh Allah (s.w.t) dalam firman-Nya:⁷¹

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

"Tiadalah Aku jadikan jin dan manusia, melainkan supaya mereka menyembah kepada-Ku"

⁷⁰ Ibid.

⁷¹ Al-Qur'an surah al-Zariyat, ayat: 56.

Perkataan menyembah bukan sahaja membawa erti tunduk dan sujud yang dilakukan menerusi anggota fizikal bahkan kepatuhan rohani yang berpunca daripada hati nurani. Dengan itu yang dimaksudkan dengannya ialah menurut apa-apa sahaja yang disuruh oleh Allah (s.w.t) dan meninggalkan segala larangan-Nya menerusi pelaksanaan anggota dan sekaligus dengan kepatuhan hati. Dengan kata lain menyembah ialah semata-mata mengabdikan diri kepada Allah (s.w.t) sama ada dari segi jasmani mahupun rohani. Pengabdian diri kepada Tuhan itu bukanlah semata-mata melakukan ibadah sembahyang, zakat, puasa, haji, menuntut ilmu, jihad, membaca al-Qur'an, zikir, selawat juga lain-lain bahkan termasuk semua aktiviti kehidupan individu yang bertujuan baik dalam sepanjang hidupnya. Justeru itu segala struktur dan aktiviti umat Islam yang bertujuan baik sama ada terhadap penciptanya mahupun terhadap diri, keluarga dan masyarakatnya menurut konsep Islam adalah tergolong dalam definisi ibadah.⁷²

Namun begitu pengertian ibadah menurut terminologi Islam dibahagikan kepada dua kategori; iaitu ibadah khusus dan ibadah umum. Ibadah khusus merupakan suatu bentuk pengabdian diri atau tawajjuh yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan terhadap Tuhannya secara langsung

⁷² Abdullah Ishak, *op.cit.*, hal. 11.

(*direct*) bagi mendapat keredaan-Nya. Ibadah jenis ini termasuklah amalan-amalan yang bersangkutan dengan Rukun Islam yang lima, sembahyang-sembahyang sunat, membaca al-Qur'an, zikir, selawat dan lain-lain. Manakala ibadah umum pula merupakan suatu bentuk pengabdian diri terhadap Tuhan bukan secara langsung (*indirect*) yang dilakukan secara individu atau perkumpulan melalui kegiatan kehidupan seharian bagi mendapat keredaan-Nya. Dengan itu ibadah yang termasuk dalam kategori ini adalah semua jenis kegiatan hidup sama ada yang berhubung dengan diri, keluarga dan masyarakatnya seperti kegiatan harian, kegiatan ekonomi, kegiatan masyarakat dan pentadbiran juga lain-lain.⁷³

Oleh itu menurut Islam, kedua-dua kategori ibadah; iaitu yang berbentuk khusus dan berbentuk umum adalah saling kait mengait, pengaruh mempengaruhi serta bertimbang balik. Dengan kata lain kedua-duanya bersepadau (*Integrated*) dan tidak dapat dipisah-pisahkan, yang dapat diibaratkan seperti roh dan jasad bagi sesuatu anggota. Andainya difahami bahawa konsep ibadah itu hanya sekadar mengabdikan diri kepada Allah (s.w.t) dengan menunaikan ibadah khusus tetapi tidak termasuk aktiviti kehidupan dunia, tentulah ianya bercanggah dengan konsep Islam.⁷⁴

⁷³ *Ibid.*, hal. 11-12.

⁷⁴ Ibn Taymiyah, *op.cit.*, hal. 4.

Pengabdian diri yang sebenarnya tidak akan tercapai kecuali menerusi pegangan akidah yang betul serta berpandukan syari'at Allah (s.w.t) yang sempurna. Oleh itu, individu muslim dan masyarakat Islam yang berpaut di atas landasan itu ditakrifkan sebagai individu dan masyarakat yang bertakwa. Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa sahaja yang benar-benar sanggup melaksanakan tanggungjawab agamanya sama ada ke atas diri, keluarga, masyarakat mahupun negara.⁷⁵

Sesungguhnya manusia itu dijadikan semenjak Nabi Adam (a.s) hingga hari kiamat, bukanlah suatu kejadian yang tidak bererti atau sia-sia bahkan merupakan suatu ujian bagi mengenalpasti siapa di antara mereka yang taat dan ingkar. Oleh itu bagi insan yang berfikiran waras dan bijak tentulah begitu dangkal dan bodoh andainya mereka memilih lain dari jalan taat, kerana mereka bukan sahaja tidak terlepas daripada kembali menghadap Allah (s.w.t) bahkan mereka akan diberi azab neraka sebagai pembalasannya.⁷⁶

⁷⁵ Abdullah Ishak, *op.cit.*, hal. 133-134.

⁷⁶ *Ibid.*, hal. 10.

Bagi melahirkan klien/sasaran yang sentiasa mengabdikan dirinya semata-mata kepada Allah (s.w.t) kaunselor adalah merupakan orang yang paling utama dan bertanggungjawab menerusi perkhidmatan kaunseling untuk tujuan dakwah. Mereka berkewajipan menanamkan pengaruh iman dan akhlak keagamaan ke dalam jiwa klien/sasaran di samping mewujudkan rasa cenderung ke arah melaksanakan ibadah kepada Allah (s.w.t). Usaha ini merupakan salah satu usaha yang dituntut oleh Islam.⁷⁷

Dari penjelasan dan huraian yang tersebut di atas jelaslah bahawa pendidikan dan bimbingan rohani yang berteraskan iman kepada Allah (s.w.t) adalah suatu yang amat penting yang perlu diberi perhatian utama oleh setiap individu muslim. Kepada kaunselor muslim yang melaksanakan tugas bimbingan dan kaunseling mestilah menumpukan perhatian yang serius dalam bimbingan ke arah pembentukan rohani. Kerana dari pembentukan rohani dan kemantapan iman yang dipupuk menerusi ilmu Islam yang bersifat *rabbani* (ketuhanan), menjadikan insan mukmin yang paling bertaqwa. Hanya golongan tersebut sahaja mampu mengabdikan diri kepada Allah (s.w.t) dan tentunya mereka tidak akan bertindak di luar batas-batas dan hukum-hukumnya.

⁷⁷Abdullah Nasih Ulwan, *op.cit.*, hal. 157-159. Khairiah Hussain Taha Sabir, *op.cit.*, hal. 72. Sayid Qutub, *op.cit.*, jil. 4, hal. 2357.

2.6.2 Pembentukan Jasmani Yang Sihat

Pembentukan jasmani yang sihat merupakan salah satu usaha dakwah yang boleh dilaksanakan melalui perkhidmatan kaunseling. Pembentukan jasmani yang sihat merupakan salah satu corak bimbingan dan pendidikan yang berfungsi bagi mengawal perkembangan dan kesuburan jasmani selaras dengan pertumbuhan jiwa insan.⁷⁸ Kepentingannya untuk sekalian manusia tidak dapat dinafikan lagi bagi melahirkan generasi yang sihat, cergas dan kuat.⁷⁹ Keutamaannya begitu menonjol terutama di waktu peperangan, di mana kekuatan seseorang individu dijadikan ukuran untuk menentukan kelayakannya.⁸⁰ Junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w) pernah menegaskan bahawa seorang mukmin yang kuat lebih dikasihi oleh Allah (s.w.t) daripada seorang manusia yang lemah seperti sabdanya:⁸¹

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ
الضَّعِيفِ .
رواہ مسلم

⁷⁸ Abdullah al-Qari, *op.cit.*, hal. 35. Ali Abd al-Halim Mahmud, *Tarbiyah al-Nasyi al-Muslim*, cet. 2, Dar al-Wafa, Kaherah, 1413H/1992M, hal. 287.

⁷⁹ Abdullah Nasih 'Ulwan, *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam*, jil. *Op.cit.*, hal. 606.

⁸⁰ Rene Hubert, *Al-Tarbiyah al-Ammaah*, cet. 2 Dar al-'ilm li Malayin, 1972, hal. 389.

⁸¹ Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Qadar, Jil. 2, dar al-Fikr, (t.t), hal. 461.

Ertinya:

"Seorang mukin yang kuat adalah lebih utama dan lebih dikasihi oleh Allah (s.w.t) daripada mukmin yang lemah"

Pendidikan dan bimbingan jasmani bukan sahaja terbatas kepada aspek fizikal semata-mata, bahkan merangkumi unsur mental dan spiritual. Ahli-ahli perubatan dan psikologi mengakui bahawa wujudnya hubungan antara kesihatan jasad dan keharmonian jiwa bagi seseorang individu.⁸² Contohnya implikasi gangguan kesihatan akan mengakibatkan keburukan akhlak seperti emosi keterlaluan, sebaliknya juga pelbagai masalah jiwa seperti riingsing, kecewa dan duka turut mempengaruhi kesihatan seseorang itu.⁸³

Menurut pandangan Islam, mental dan fizikal adalah dua angkubah yang saling mempengaruhi bagi melahirkan manusia yang serba lengkap untuk mendapat kebahagian dunia dan akhirat.⁸⁴ Umpamanya persekitaran pelajar-pelajar disesebuah sekolah yang tidak mempunyai kelengkapan

⁸² Muhammad Qutub, *op.cit.*, hal. 104.

⁸³ Abdullah al-Qari, *op.cit.*, hal 132.

⁸⁴ Abdullah Hj. Ishak, "Pengajian Pondok dan Kesannya Terhadap Masyarakat Islam di Malaysia" dalam *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*, cet. 1, Selangor, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1994, hal. 309.

peralatan seperti suasana bilik darjah yang sempit, aliran udara dan cahaya yang tidak cukup, akan mempercepatkan keletihan. Implikasinya mereka tidak akan mengikuti pelajaran dengan sempurna dan seterusnya tidak membolehkan mereka mencapai kejayaan dengan cemerlang dalam pelajaran.⁸⁵

Hanya otak yang sihat dan cerdas sahaja dapat menerima pelajaran dengan sempurna. Kaum muslimin sejak permulaan Islam dapat mengambil berat tentang kesihatan badan dan otak, sehingga terkeluar kata-kata hikmat yang berbunyi:⁸⁶

العقل السليم في الجسم السليم

Ertinya:

"Akal yang sihat dan cerdas itu terdapat pada tubuh yang sihat dan kuat"

Difahamkan dari kata-kata tersebut, jelas menunjukkan bahawa kepintaran minda mempunyai kaitan yang rapat dengan kesihatan badan.

⁸⁵Muhd Atiyyah al-Abrasyi, *Ruh al-Tarbiyah wa al-Ta'lim*, cet. 7, 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syarikhah, Qaherah, 1959, hal. 34.

Justeru itu bagi mencapai kebahagiaan hidup serta jiwa yang stabil dan aman, seseorang individu itu mestilah memiliki kesihatan yang sempurna. Walaupun Islam memberi penekanan yang khusus terhadap aspek pendidikan jasmani, tetapi ianya bukanlah sebagai suatu motif akhir bahawa hanya sebagai *wasilah* kepada matlamat kerohanian yang suci.⁸⁷

Sesungguhnya pendidikan jasmani dan rohani menurut syari'at Islam adalah suatu perkara yang tidak dapat dipisah-pisahkan dan memerlukan perseimbangan. Amalan perseimbangan antara keduanya dapat dibuktikan dari cetusan sejarah Islam yang berlaku pada zaman khalifah 'Umar al-Khattab (r.a). Dilaporkan, bahawa sebelum Sa'ad bin Abi Waqqas menaklukki Kufah, Khalifah tersebut telah memerintahkan beliau supaya melakukan dua perkara utama; iaitu memakmurkan masjid dan mewujudkan tanah lapang (gelanggang) sebagai tempat untuk pemuda Islam bermain.⁸⁸

Disebabkan aspek jasmani mempunyai pertalian yang rapat dan saling mempengaruhi dengan kecerdasan minda manusia, maka pendidik-pendidik

⁸⁶ Abdullah Hj. Ishak, *op.cit.*, hal 266.

⁸⁷ Muhd Qutub, *op.cit.*, hal. 105. Wan Zaidi Wan Teh, *op.cit.*, hal. 35.

⁸⁸ Abdullah al-Qari, *op.cit.*, hal. 144.

Islam menegaskan kepentingan riadah atau bersukan bagi kemajuan pencapaian pelajaran. Mengenainya al-Ghazali menjelaskan:

*"Pelajar-pelajar hendaklah diberi peluang untuk bermain dengan berbagai-bagai permainan yang elok selepas daripada waktu persekolahan, supaya dapat memberi kerehatan kepada mereka dari rasa penat belajar, dengan syarat jangan pula mereka menjadi letih kerana bermain. Kiranya pelajar dilarang bermain dan dipaksa mereka semata-mata belajar akan mematikan hatinya dan menyekat kecerdasan akalnya dan mereka merasai kesempitan hidup. Akhirnya mereka akan mencari jalan bagi menjauhkan diri daripada pelajaran dan sekolah."*⁸⁹

Pelaksanaan aspek pendidikan jasmani dapat dilihat dalam dua bentuk; iaitu di luar ibadah dan di dalam sebahagian ibadah khusus. Aspek pendidikan jasmani di luar ibadah khusus termasuklah segala pergerakan kehidupan sehari-hari, aktiviti di masa lapang dan riadah untuk kesihatan.⁹⁰ Manakala aspek pendidikan jasmani di dalam ibadah sembahyang, sama ada dalam kategori wajib mahupun sunat, tidaklah dapat dinafikan tentang peranannya dalam membina kekuatan tenaga fizikalnya. Begitu juga dengan ibadah haji dan umrah yang kebanyakannya dari amalnya amat berhajat

⁸⁹ Al-Ghazali, *op.cit.*, jil. 3, hal. 35. Abdullah bin Hj. Ishak, *op.cit.*, hal. 308.

⁹⁰ Abdullah al-Qari, *op.cit.*, hal. 143.

kepada tenaga, tentu sekali dapat memberi saham yang tidak kurang pentingnya dalam pembinaan tersebut.⁹¹

Dalam usaha ke arah pembentukan akal dan rohani yang sempurna, Islam tidak pula mengabaikan pembentukan jasmani dan pemeliharaan kesihatan badan. Justeru itu anak-anak perlu didedahkan kepada pelbagai bentuk permainan seperti memanah, berenang, menunggang kuda, berlari dan sebagainya. Malah, menurut penerangan sahabat (r.a), Baginda Rasulullah (s.a.w) sendiri pernah melakukan aktiviti riadah seperti berlumba lari dengan isterinya 'Aisyah (r.a) dan pernah pula beliau beradu tinju dengan Rukanah.⁹² Bagi membuktikan kehendak tersebut, Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:⁹³

كُلُّ شَيْءٍ لِمَنْ لَيْسَ مِنْ ذِكْرِ اللَّهِ فَهُوَ لَعْوٌ أَوْ سُحْوٌ أَوْ اِرْبَعَ
خَمَالٌ • مُشَى الرَّجُلِ بَيْنَ الْغَرَضَيْنِ (لِلرَّمْيِ) وَتَأْمِينِ
فَرْسَهُ وَمُلَاعِبَتِهِ اَمْلَهُ وَتَعْلِيمَةِ السَّبَاحَةِ

⁹¹ Abdullah Ishak, *op.cit.*, hal. 166. Hammudah Abdalati, *op.cit.*, hal. 125. Muhd. Khair al-Dar'i, *Al-Tarbiyah al-Badmiyah Fi al-Islam*, Al-Maktabah al-Umawiyah, Damsyiq, 1970, hal. 93 – 98.

⁹² Abdullah Hj. Qari, *op.cit.*, hal. 136. Atef Alogleh Odibat, 'The Mind-Body Relationship As Related To Theories Of Sport And Education: The Islamic Philosophy In Comparison To Others', *The Islamic Quarterly*, Vol. 33, (no. 4), 1989M/1410H, hal. 272. Muhd Khair al-Dar'i, *op.cit.*, hal. 91.

⁹³ Abdullah Nasih 'Ulwan, *op.cit.*, jil. 1, hal. 218. Hadith lain yang diriwayatkan oleh al-Dailamy yang bererti: Ajarkanlah anak-anak kamu berenang dan memanah dan sebaik-baik pekerjaan perempuan mu'min di rumahnya ialah bertenun. Dan apabila menyeru oleh dua ibu bapa kamu maka hendaklah kamu menjawab seruan ibu bapa kamu dahulu.

Ertinya:

"Tiap-tiap sesuatu yang tiada kaitannya dengan mengingati Allah (s.w.t) dikira sia-sia atau hina kepada-Nya kecuali empat perkara; iaitu pemergian manusia antara dua matlamat; iaitu bermain panah, mengajar kudanya, bermain dengan isterinya dan belajar berenang"

Sunnah Rasulullah (s.a.w) itu telah pun diindoktrinasikan oleh umat manusia seluruhnya, sama ada muslim maupun bukan muslim kerana pada zaman kini wujud pelbagai kegiatan riadah antaranya seperti bola sepak, sepak raga, pingpong, bola tampar, tarik tali, bidmanton dan lain-lain lagi. Menerusi permainan dan sukan, kaunselor dapat mengambil kesempatan meniupkan azam yang tinggi, sabar, bekerjasama, ingin berkorban, rasa bertanggungjawab di samping dapat membantu pertumbuhan jasmani dan kekuatan tenaga.

Manakala kekuatan badan dan tenaga pula boleh mendorong individu kepada kekuatan saraf, perimbangan pendirian, cerdas dan rajin dalam sebarang pekerjaan. Dengan itu berjayaalah sesebuah institusi atau kaunselor bagi melahirkan insan yang tinggi cita-cita, sejahtera anggota badan,

sempurna akal dan akhlaknya.⁹⁴ Aktiviti-aktiviti tersebut juga dapat mengisi kekosongan masa lapang mereka dan sekali gus boleh mengelakkan mereka terjebak dengan gejala-gejala negatif yang kini berlaku seperti amalan melepak di merata-rata tempat dan pusat-pusat hiburan, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

Selain pembinaan rohani bagi menghasilkan insan kamil, pembinaan jasmani juga diberi penekanan utama menerusi ilmu dan pendidikan Islam. Kerana individu dan masyarakat yang sihat dan ketahanan jasmaninya dapat memikul berbagai beban tugas bagi diri sendiri, keluarga dan masyarakat sama ada yang berbentuk spiritual mahupun fizikal. Justeru itulah syari'at Islam sentiasa mendesak umatnya supaya menjaga kebersihan diri, pakaian dan tempat tinggal. Mereka diwajibkan supaya memilih makanan dan minuman yang halal, baik dan suci. Kerana berpunca dari makanan dan minuman yang berunsur seperti itu, bukan sahaja dapat melahirkan individu dan masyarakat yang sihat dan kuat bahkan yang patuh dan bertakwa kepada Allah (s.a.w).⁹⁵

⁹⁴*Ibid.*, hal. 308-309.

⁹⁵Abdullah Ishak, *op.cit.*, hal. 142-143. Abdullah Nasih 'Ulwan, *op.cit.*, hal. 215. Al-Ghazali, *op.cit.*, juz. 2, hal. 2. Ibrahim Nasir, *Muqaddimah fi al-Tarbiyah*, cet. 2, Amman Jordan, 1979, hal. 133. Hammudah Abdalati, *op.cit.*, hal. 121.

Mengenai unsur-unsur yang diharamkan oleh syarak, ibu bapa atau penjaga mestilah memihara anak-anak dari terlibat dengannya sama ada yang berupa makanan, minuman, pakaian mahupun tempat tinggal.⁹⁶ Sehubungan dengan tegahan itu junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w) pernah bersabda:

عَنْ أُبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَبِيبٌ لَا يَقْبِلُ الْأَطْبَابُ وَإِنَّ اللَّهَ أَمْرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمْرَ بِهِ الْمُرْسَلُونَ فَقَالَ تَعَالَى يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ كُلُّوْمَنَ الطَّبِيبَاتِ وَأَعْمَلُوا اصْلَاحًا وَقَالَ تَعَالَى يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُّوْمَنَ طَبِيبَاتِ مَارِزَقَنَاكُمْ ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يَطْبَيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمْدُدُ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَارَبُّ يَارَبُّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرُبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغَذَى بِالْحَرَامِ فَإِنِّي سَتَجَابُ لَهُ - رَوَاهُ مُسْلِمٌ

⁹⁶. Aisyah Abd al-Rahman Said al-Jalal, *Al-Mu'athirat al-Salbiyah Fi al-Tarbiyah al-Tifl al-Muslim Wa Turuq Ilajuhu*, cet. 1, Dar al-Mujtamaa', Jeddah, 1412H/1992M, hal. 169 Al-Ghazali, op.cit., jil. 2, hal. 2.

Ertinya:

"Sesungguhnya Allah (s.w.t) itu baik, Dia tidak menerima kecuali yang baik. Sesungguhnya Allah (s.w.t) memerintahkan orang-orang mukmin dengan apa yang diperintahkan kepada sekalian Rasul seperti firman-Nya yang bererti: Wahai sekalian Rasul makanlah dari yang baik-baik dan heramallah akan segala yang baik: Firman-Nya lagi (erti): Wahai sekalian orang beriman! Makanlah dari segala yang baik yang Kami telah rezekikan kepadamu". Kemudian ia menyebutkan seorang lelaki yang jauh perjalanan, yang kusut rambutnya lagi bretebu mukanya menghulurkan dua tangannya ke langit (berdoa): Wahai Tuhanaku! Wahai Tuhanaku! Pada hal makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan mulutnya disuapkan dengan yang haram, maka bagaimanakah akan diperkenankan baginya?"⁹⁷

Hadith di atas menjelaskan bahawa setiap sesuatu yang berpunca dari benda-benda yang haram baik makanan, minuman, pakaian maupun tempat tinggal, akan menyebabkan seseorang itu jauh dari rahmat dan kasih sayang Allah (s.w.t) serta menyebabkan kemurkaannya. Demikian juga ianya akan melahirkan berbagai penyakit sama ada penyakit rohani maupun jasmani. Justeru itu keprihatinan dan kepekaan ibu bapa terhadap persoalan halal

haram adalah suatu yang diwajibkan ke atas mereka supaya anak-anak sentiasa mendapat keredaan Allah (s.w.t).

2.6.3 Pembinaan Akal Yang Waras

Dalam usaha membina akal yang sihat kepada klien kaunseling boleh digunakan sebagai salah satu alat atau teknik yang boleh digunakan untuk tujuan dakwah. Ini adalah bertujuan untuk menerapkan kepada sasaran tentang peranan akal dalam membina kesejahteraan individu. Justeru itu, kauselor berperanan memberikan penjelasan di dalam sesi kaunselingnya kepada klien tentang fungsi akal kepada individu.

Islam meletakkan manusia pada kedudukan yang tinggi berbanding dengan makhluk yang lain kerana kelebihan akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah (s.w.t) kepada mereka.⁹⁸ Pengiktirafan Islam terhadap keutamaan fungsi akal manusia dapat dibuktikan, di mana kewarasan akal adalah menjadi ukuran pertama bagi syarat *taklif* atau tanggungjawab syarak ke atas

⁹⁷ Imam al-Nawawi, *Matan al-Araba 'in al-Nawawiyah*, Terj.: Mustafa Abd Rahman, cet. 1, Pulau Pinang: Maktabah al-Hajj Abdullah bin Muhd Nurudin al-Rawi, 1966, hal. 208-209.

⁹⁸ Ali Abd al-Halim Mahmud, *op.cit.*, hal. 263.

seseorang individu. Walaupun nikmat akal membolehkan manusia berfikir dan dapat membezakan kebaikan dan keburukan sesuatu perkara, namun kemampuannya amat terbatas dan memerlukan bimbingan wahyu daripada Allah (s.w.t) untuk keselamatan dan kesahihan natijahnya.⁹⁹

Pendidikan akal ditakrifkan sebagai pendidikan untuk pembentukan pemikiran manusia dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat berupa ilmu-ilmu syari'at, pengetahuan ilmiah moden serta kesedaran pemikiran dan tamaddun, sehingga tercenna minda dan terbentuklah ketinggian keilmuan dan pengetahuan.¹⁰⁰ Pendidikan akal merupakan suatu aspek yang menitikberatkan tentang akal fikiran seseorang individu sama ada yang berkaitan dengan keperluannya, faktor-faktor yang membawa kepada kecerdasannya serta kemampuan untuk memerhati, meneliti, menilai dan membuat keputusan.¹⁰¹

Dari takrifan yang dikemukakan, dapatlah difahamkan bahawa akal memerlukan ilmu pengetahuan untuk berfungsi, berfikir saling bergantung

⁹⁹ Abdul Wahid Baharom, *Ciri-ciri Keibubapaan Yang Berjaya*, cet. 1, Sabha-Dtp services Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1992, hal. 26.

¹⁰⁰ Muhd. Qutub, *op.cit.*, hal. 75-76, Wan Zahid bin Wan Teh, *op.cit.*, hal. 28-30.

¹⁰¹ Ali Abd Halim Mahmud, *op.cit.*, hal. 259.

antara keduanya, di mana kemanfaatan ilmu hanya berguna bagi akal yang waras sahaja. Pendidikan akal diasaskan kepada beberapa dasar utama, antaranya ialah membekalkannya dengan berbagai ilmu pengetahuan di mana dengannya mampu membersihkan akal dari sebarang kejahilan dan sekaligus meninggalkan kriterianya membangkitkan kekuatan pancaidera dan perasaan untuk berfikir serta meneliti sesuatu di samping mebebaskan akal dari semua belenggu dan ketegangan seperti khurafat, ragu-ragu, hawa nafsu dan *taglid*.¹⁰²

Agama Islam sentiasa menggalakkan umatnya supaya menggunakan akal fikiran dengan sebaik-baiknya. Jika akal tidak diberi peranan tabii'inya, ia akan membawa kerosakan dan kemusnahan serta hilanglah kewibawaannya. Manusia yang tidak menghargai akalnya dan tidak meletakkannya pada tempat yang sepatutnya, sebenarnya telah menurunkan martabatnya sebagai manusia, malah lebih hina dari binatang separtimana yang ditegaskan oleh Allah (s.w.t) dalam firmanNya:¹⁰³

وَلَقَدْ دَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّينَ وَالْإِنْسَانِ فَلُؤْبٌ
لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَمْ أَعِنْ لَا يُصْرِرُونَ بِهَا وَلَمْ أَذَّنْ لَا يَسْمَعُونَ
بِهَا أَوْ لَيْكَ كَالْأَغْنِيَاءِ إِنَّهُمْ أَضَلُّ أَوْ لَيْكَ كُمَّ الْغَنِيَّلُوتَ

¹⁰² *Ibid.*, hal. 260-262. Sheikh Mahmud Abdul Fayid, *Pendidikan Dalam al-Qur'an*, Terj: Judi al-Falasany, Semarang, C.V. Wjeaksana, 1989M/1409, hal. 11.

¹⁰³ Al-Qur'an surah al-'Araf, ayat: 179. Mahmud Junus, *Terjemahan al-Qur'an*.

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam kebanyakan antara jin dan manusia, bagi mereka ada jantung hati, (tetapi) tiada mengerti dengan hatinya, dan bagi mereka ada mata, (tetapi) tiada melihat dengan matanya dan bagi mereka ada telinga (tetapi) tiada mendengar dengan telinganya. Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat. Mereka itulah orang-orang yang lalai”

Menurut Imam Ghazali, akal diumpamakan sebagai gedung yang menjadi sumber dan asas ilmu pengetahuan, sementara ilmu pula diumpamakan sebagai buah, manakala akal merupakan pokoknya. Oleh itu, kemuliaan akal dapat dilihat dari ketinggian dan kemuliaan ilmu menurut Islam itu sendiri.¹⁰⁴ Sehubungan dengan itu Allah (s.w.t) berfirman:¹⁰⁵

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَذَّكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

¹⁰⁴ Al-Ghazali, *op.cit.*, hal. 82.

¹⁰⁵ Al-Qur'an surah al-Zumur, ayat: 9.

Maksudnya:

“...Katakanlah: Adakah sama orang-orang yang berilmu pengetahuan dengan orang yang tidak berilmu pengetahuan? (Tentu tidak). Hanya yang menerima peringatan ialah orang-orang yang berakal”

Ayat di atas memberikan gambaran yang jelas tentang ketidaksamaan antara orang yang alim dengan orang yang jahil, juga kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan seseorang insan. Status golongan yang berilmu amat tinggi di sisi Allah (s.w.t) kerana mereka berkemampuan menerima peringatan daripada-Nya serta dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna sama ada terhadap dirinya, keluarga, masyarakat, mahupun negara.

Bagi mencapai keredaan Allah (s.w.t) dalam setiap aktiviti yang berunsur keduniaan dan keakhiran, ajaran Islam telah menggariskan ilmu pengetahuan sebagai asas panduannya. Ilmu diletakkan ke tahap yang paling tinggi dan menjadi panduan dalam semua urusan hidup manusia, tanpanya semua kegiatan hidup tidak akan dapat berfungsi dengan mantap dan sempurna. Menurut perspektif Islam, selain dari fungsi di atas, ilmu

merupakan kriteria dan pengukur nilai bagi membeza dan mengkategorikan antara individu dan juga masyarakat.¹⁰⁶

Menurut konsep Islam, apa yang diistilahkan dengan ilmu, mencukupi semua jenis ilmu pengetahuan sama ada yang berunsur keduniaan mahupun keakhiran yang dengannya dapat memandu manusia bagi mencapai kejayaan dan keredaan Allah (s.w.t). Ia juga merupakan suatu alat yang unik, tetap dan kukuh, di mana tiap-tiap satunya secara langsung atau tidak secara langsung boleh mendorong dan memandu pemiliknya bagi mengenal Allah (s.w.t) dan mengabdikan diri kepada-Nya.¹⁰⁷

Oleh kerana ilmu itu merupakan sebagai alat yang positif yang boleh menjamin seseorang bagi mengenal Allah (s.w.t) mengetahui syariat-Nya, itulah sebabnya wahyu ulung yang disampaikan kepada Rasulullah (s.a.w) bagi merasmikan kebangkitannya sebagai rasul dengan perintah supaya membaca iaitu memberi pengertian supaya berilmu, kerana syariat Islam

¹⁰⁶ Abdullah Ishak, *op.cit.*, hal. 106.

¹⁰⁷ *Ibid.*, hal. 107-108.

tidak akan berpotensi dan berkembang sempurna andainya pengikut Islam itu jahil melakukan sesuatu tanpa berpandukan ilmu.¹⁰⁸

Menerusi pemilikan ilmu pengetahuan mendorong umat manusia supaya lebih berbakti kepada Allah (s.w.t) di samping melayakkan diri sebagai khalifah Allah (s.w.t) di bumi-Nya. Sesungguhnya orang yang beriman kepada Allah (s.w.t) dan memiliki berbagai-bagai ilmu pengetahuan Islam yang berbentuk *naqli* dan *aqli* sahaja, layak memimpin umat manusia di bumi ini ke arah kemajuan dan kebahagiaan yang sebenar menurut keredaan Allah (s.w.t). Itulah sebabnya mengapa Nabi Adam (a.s) dianugerahkan oleh Allah (s.w.t) dengan iman dan berbagai-bagai ilmu pengetahuan bukan sahaja untuk menjadi bapa kepada sekalian manusia bahkan untuk memimpin mereka di samping memakmurkan bumi Allah (s.w.t).¹⁰⁹

Oleh itu, segala jenis ilmu yang menjadi pendorong bagi mengenal Allah (s.w.t) di samping dapat mengabdikan diri kepada-Nya adalah diwajibkan ke atas umat Islam mempelajari dan memiliki. Kewajipan itu

¹⁰⁸ Abdul Aziz Andik Acok, *Ilmu Usul Fiqh*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1986, hal. 30.

¹⁰⁹ *Ibid.*, hal. 107-108.

telah dijelaskan oleh Rasulullah (s.a.w) dalam sabdanya yang diriwayatkan oleh Ibn Majah.¹¹⁰

طلب العلم فريضة على كل مسلم (رواہ ابن ماجه)

Ertinya:

"Memuntut ilmu adalah fardu ke atas tiap-tiap orang Islam"

Perintah serta galakan belajar bukan sahaja dikenakan ke atas golongan lelaki bahkan ke atas golongan perempuan. Contohnya, junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w) pernah meminta kepada Syafah al-Adawiyah supaya mengajar isterinya Sayyidah Hafsah pelajaran tulis menulis dan membaca. Inisiatif Rasulullah (s.a.w) itu, kemudiannya menghasilkan peningkatan kuantiti umat Islam yang berilmu dan pandai membaca serta menulis.¹¹¹

¹¹⁰Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, kitab al-Muqaddimah, Bab Fadl al-Ulama Wa al-Hadith Ala Talab al-'Ilm, jil. 1, 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syarikah, t.t, hal. 81.

¹¹¹Al-'Assal Khalifah Hussein (Dr.), *Ma'alim al-Da'wah al-Islamiyyah*, Dar al-Thiba'ah al-Muhammadiyyah, Kaherah, 1988, hal. 70.

Dari kenyataan yang telah dinyatakan di atas maka dapat disimpulkan bahawa pembelajaran, kesihatan mental serta penggunaan dan penelitian akal fikiran terhadap kejadian-kejadian alam ini merupakan faktor yang terpenting dalam pendidikan akal manusia. Oleh itu, para kaunselor dan pembimbing berkewajipan mendidik minda mereka ke arah jalan yang diredai oleh Allah (s.w.t) berdasarkan petunjuk-Nya. Inilah di antaranya sasaran yang perlu dijelaskan ke dalam diri klien dalam konteks bimbingan dan kaunseling dalam Islam. Sesungguhnya menerusi akal yang sihat dan sempurna sahaja mampu membantu seseorang individu itu bagi mengenal *khaliq* (Pencipta), mengakui kebenaran, keagungan-Nya serta menjadi hamba Allah (s.w.t) yang sentiasa tunduk patuh kepada-Nya.

2.6.4 Pembentukan Akhlak Yang Mulia

Pembentukan akhlak yang mulia serta berhemah tinggi merupakan satu tuntutan terhadap individu dan masyarakat. Individu yang ketandusan ciri-ciri akhlak murni dan luhur sudah tentu mengakibatkan kepincangan disebabkan sosialnya yang lemah. Para ahli falsafah pendidikan dan cendikiawan terdahulu mahupun sekarang bersepakat mengatakan bahawa

pembentukan akhlak merupakan suatu yang amat penting dalam kehidupan seseorang dalam sesebuah masyarakat.¹¹²

Menurut perspektif Islam, pendidikan akhlak bermaksud pengolahan jiwa seseorang individu supaya segala kekuatan dalaman yang ada padanya seperti pemikiran, perasaan dan kemahuan dapat diarah bagi melahirkan budi pekerti yang seiring dengan kehendak agama.¹¹³

Pendidikan akhlak juga merupakan suatu latihan pembentukan seseorang individu agar mengikuti jalan yang diredayai oleh Allah (s.w.t).¹¹⁴ Abdullah Nasih 'Ulwan mentafsirkan pendidikan akhlak sebagai sekumpulan prinsip-prinsip akhlak serta budi luhur yang mesti diterapkan ke dalam jiwa insan dari kecil hingga ke peringkat *mukallaf* (iaitu akil baligh) dan seterusnya ke peringkat dewasa.¹¹⁵

¹¹² Muhd. Amin al-Misri, *Lamhat fi Wasail al-Tarbiyah al-Islamiyah Waghayatuhu*, cet. 4, Dar al-Fikr, 1398H/1978M, Beirut, hal. 209.

¹¹³ Abdullah al-Qari, *op.cit.*, hal. 99.

¹¹⁴ Muhd. Amin al-Misri, *op.cit.*, hal. 214.

¹¹⁵ Abdullah Nasih 'Ulwan, *Tarbiyah al-Awlad Fi al-Islam*, jil. 1 & 2, Dar al-Salam, Qaherah, 1403H/1983M, *op.cit.*, hal. 77.

Motif utama pendidikan dan bimbingan akhlak ialah pembentukan tingkah laku dan perangai yang mulia dalam semua aspek kehidupan, sama ada di rumah, di sekolah, di pejabat, dalam masyarakat maupun di peringkat negara.¹¹⁶ Ini bertepatan dengan apa yang pernah ditegaskan oleh Nabi Muhammad (s.a.w) bahawa perutusan baginda oleh Allah (s.w.t) ke alam ini adalah untuk membentuk dan menyempurnakan akhlak yang sebagaimana sabdanya:¹¹⁷

إنما بعثت لا تُنْهِي مَكَارِمُ الْخُلُقِ (رواوه احمد)

Ertinya:

"Sesungguhnya aku diuruskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia"

Dari hadith di atas jelas menunjukkan bahawa Islam memandang berat terhadap akhlak yang mulia, bahkan pendidikan akhlak diberikan keutamaan dan menjadi inti (jiwa) kepada tarbiyah Islamiyah.

¹¹⁶Ibid., hal. 95. Muhd 'Atiyyah al-Abrasyi, *Ruh al-Tarbiyyah wa al-Ta'lim*, op.cit., hal. 41, 42.

¹¹⁷Ahmad bin Hanbal, *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, Kitab al-Akhlaq, jil. 1, cet. 2, Dar al-Fikr, 1398H/1978, hal. 132.

Tidak dapat dinafikan bahawa manusia mempunyai tabiat dan kecenderungan yang berbeza, sesetengahnya bersifat malu, takut, lemah, kuat, pemurah, bakhil, malas, rajin dan sebagainya. Mereka dilahirkan dalam keadaan tidak mengetahui apa-apa dan tidak dapat membezakan yang betul dengan yang salah.¹¹⁸ Oleh itu, tabiat dan kecenderungan yang dimiliki masing-masing perlulah dipupuk dengan nilai-nilai keimanan dan akhlak yang murni dari awal lagi.

Dalam usaha meningkatkan pembentukan akhlak yang luhur, terdapat beberapa pendekatan atau dengan lain perkataan akhlak mulia diasaskan kepada beberapa aspek utama. Antaranya ialah menerusi ilmu pengetahuan, kematangan akidah yang benar, pelaksanaan amal ibadah, kepatuhan terhadap penentuan syarak dari segi halal dan haram, penampilan Rasulullah (s.a.w) sebagai model (*qudwah hasanah*) dan iman dalam setiap aspek kehidupan, *amr makrif nahi munkar dan jihad fi sabillillah*.¹¹⁹

¹¹⁸ Abdullah al-Qari, *op.cit.*, hal. 103. Muhd Atiyah al-Abraisy, *op.cit.*, hal. 72. Wan Amnah Wan Yaacob, "Bagaimana Membentuk Akhlak Yang Baik Di Peringkat Awal Pendidikan" dalam *Bimbangan Mukminah*, cet. 1, Yayasan dakwah Islamiyyah Malaysia (YADIM), Kuala Lumpur, 1983, hal. 52.

¹¹⁹ Abdul Karim Zaidan, *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*, Terj. H.M. Aswadi Syukur Lc, jil. 1, Pustaka al-ameen, Kuala Lumpur, *op.cit.*, 1984, hal. 132-144.

Para cendikiawan pendidikan Islam bersepakat menyatakan bahawa ilmu yang menjuruskan kepada natijah kemuliaan dan kesempurnaan akhlak, tidak layak dinamakan ilmu kerana ianya bukan menjadi sebahagian daripada matlamat pengajaran dan pendidikan. Semua ilmu dan maklumat yang dipelajari adalah bertujuan untuk menghasilkan kemuliaan akhlak tanpa mengabaikan aspek lain seperti aspek kesihatan fizikal, kecerdasan mental dan ilmu kemasyarakatan.¹²⁰

Sehubungan dengan itu Islam mewajibkan para pembimbing dan pendidik (*murabbi*) khususnya ibu bapa dan guru-guru bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi juga memastikan penerapan ciri-ciri akhlak yang mulia melalui latihan dan amalan akhlak yang baik, antaranya seperti adat-adat kebiasaan yang baik, taqwa, bercakap benar, menepati janji, amanah, ikhlas, menolong yang lemah, menjaga waktu, menghormati orang tua, bersedia menerima tetamu, sentiasa berbuat baik dengan jiran tetangga dan sentiasa bersifat kasih sayang di antara sesama manusia. Di samping itu amalan-amalan yang keji seperti suka mengumpat, memaki hamun, mengeluarkan kata-kata yang hina dan buruk atau sesuatu yang boleh

¹²⁰ Ali 'Abd al-Halim Mahmud, *Tarbiyah al-Nasyi' al-Muslim*, cet. 2, Dar al-Wafa', Qaherah, 1413H/1992M, hal. 216 Muhd. Atiyyah al-Abrasyi, *op.cit.*, hal. 72.

mencetuskan kelakuan buruk dan jahat hendaklah dihindarkan daripada mereka.¹²¹

Keluhuran dan kemurniaan akhlak adalah natijah dari iman kepada Allah (s.w.t) dan kesempurnaan iman tidak akan tercapai melainkan dengan memiliki sifat-sifat dan akhlak terpuji sebagaimana yang difirmankan oleh Allah (s.w.t)¹²²

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ كَالَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ شَمَّ لَمْ يَرْتَأُوا
وَجَاهَهُدُوا بِآمُونَاهُمْ وَأَنفَسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ
الظَّاهِرُونَ {10}

Maksudnya:

“Orang-orang Mukmin hanya orang-orang yang percaya kepada Allah (s.w.t) dan Rasul-Nya, kemudian mereka berjuang (berjihad) dengan harta dan dirinya di jalan (agama) Allah (s.w.t). Mereka itulah orang-orang yang benar”

Pada hakikatnya seseorang individu yang dibesarkan atas dasar keimanan dan ketakwaan kepada Allah (s.w.t) akan sentiasa menjaga dirinya

¹²¹ *Ibid.*, hal. 74. 'Abdullah Nasih 'Ulwan, *op.cit.*, juz. 1, hal. 96 & hal. 183-187. 'Aisyah 'Abd. Rahman Sa'id al-Jalal, *Tarjum Sayyidah Bait al-Nabuwah*, cet. 1, Dar al-Kitab al-Arabi, 1387H/1967M, hal. 176.

¹²² Al-Qur'an surah al-Hujurat, ayat 15. Mahmud Junus, *Terjemahan al-Qur'an*, surah al-Hujurat, 4: 15, hal. 466.

dari batasan yang telah ditetapkan oleh Allah (s.w.t) dan sentiasa memohon pertolongan semata-mata kepada-Nya. Oleh itu, secara otomatisnya akan lahir suatu kecenderungan semulajadi dalam dirinya untuk menerima segala budi luhur dan terbiasa dengan akhlak yang mulia. Sebaliknya, klien yang dididik asing dari akidah Islam dan petunjuk agama, maka mereka akan lebih condong kepada akhlak yang buruk dan mengikut hawa nafsu.¹²³

Oleh kerana wujudnya pertalian yang kukuh antara iman dengan akhlak serta akidah dan amal, maka para ahli pendidikan dan sosiologi Islam meletakkannya di tempat yang paling tinggi dan utama. Pandangan ini turut mendapat pengiktirafan sarjana barat, di mana mereka berpendapat bahawa sesungguhnya tanpa pedoman dan panduan agama, ketenangan diri tidak boleh dicapai tanpa keimanán Allah (s.w.t), keluhuran budi pekerti tidak akan wujud.¹²⁴

Di samping itu, peningkatan akhlak juga boleh dipupuk dengan mengerjakan berbagai ibadah sama ada ibadah yang fardhu mahupun yang sunat. Kerana setiap ibadah yang dilakukan oleh seseorang individu itu

¹²³ Abdullah Nasih 'Ulwan, *op.cit.*, hal. 180. Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 117.

¹²⁴ Abdullah Nasih 'Ulwan, *op.cit.*, hal. 180. Abdul Karim Zaidan dan , *op.cit.*, hal. 137.

adalah bertujuan untuk membersihkan jiwa manusia.¹²⁵ Pernyataan tersebut bersesuaian dengan firman Allah:¹²⁶

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ
١٦

Maksudnya:

“Sesungguhnya sembahyang itu melarang memperbuat keji dan yang mungkar”

Ahli-ahli falsafah pendidikan Islam berpendapat bahawa pentingnya peringkat awal kanak-kanak dibentuk dengan pendidikan akhlak yang mulia. Memandangkan pada tahun-tahun awal usianya, kanak-kanak banyak menghabiskan masa di rumah, maka oleh kerana itu persekitaran di rumah memainkan peranan yang penting dan berkesan sekali dalam pembentukan sahsiah mereka.¹²⁷ Sesuatu yang ditemui oleh kanak-kanak pada peringkat tersebut akan diamalkan kerana ianya sudah menjadi suatu kebiasaan, adat ikutan bagi mereka.¹²⁸

¹²⁵ Muqdad Yaljan, *Peranan Pendidikan Akhlak Islam Dalam Membangun Peribadi Masyarakat Dan Budaya Manusia*, Terj. Tajudin Nur, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1986, hal. 16.

¹²⁶ Mahmud Junus, *Terjemahan al-Qur'an*, surah al-Ankabut, ayat: 45, hal. 363.

¹²⁷ Muhd Amin al-Misri, *op.cit.*, hal. 215. Muhd 'Atiyyah al-Abrasyi, *op.cit.*, hal. 27.

¹²⁸ W.R. Niblett, *Education And The Modern Mind*, cet. 11, Feber and Feber, London, 1987, hal. 27.

Sehubungan dengan itu ahli falsafah pendidikan moden abad ke-20 menyatakan:

"Kanak-kanak mengamalkan sesuatu yang menjadi kebiasaan sepanjang hidupnya pada lima tahun pertama"¹²⁹

Di sini menunjukkan bahawa pendidikan akhlak yang mulia bermula dari rumah dan persekitarannya. Kanak-kanak akan melakukan apa yang dilihat dan sesuatu yang didengar sama ada yang baik maupun yang buruk daripada ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga yang lain. Tegasnya, institusi keluarga mempengaruhi mereka dalam berbagai aspek antaranya seperti bahasa, akhlak, cara pergaulan, kesenian dan kebudayaan.

Namun begitu, ini tidaklah menafikan peranan institusi pendidikan lain, malah semuanya saling berkaitan dan pengaruh mempengaruhi dalam memainkan peranan masing-masing bagi mencapai matlamat tersebut. Sekolah merupakan kesinambungan pengajaran dan pendidikan dari rumah, ianya bukan sekadar mengajar seseorang supaya pandai membaca dan menulis tetapi berfungsi menyediakan individu salih yang diperlukan oleh sesebuah masyarakat. Demikian juga sekolah tidak mampu melahirkan

¹²⁹Muhibbin Atiyyah al-Abrasyi, *Al-Tarbiyyah al-Islamiyyah Wa Falasifatuhu*, cet. 2, Dar al-Fikr al-'Arabi, Jeddah, 1979, hal. 112.

generasi yang berakhhlak mulia, andainya tanpa guru yang ikhlas, dedikasi dan berwawasan.¹³⁰

Bagi melaksanakan tujuan pembentukan akhlak yang mulia di kalangan para pelajar, para pembimbing atau kaunselor tidak seharusnya mengajar pelajar-pelajarnya dengan nilai-nilai yang baik semata-mata di bilik darjah sahaja bahkan mereka mestilah menggunakan peluang di semua lokasi seperti padang sekolah, makmal, perpustakaan dan lain-lain.¹³¹ Di samping itu guru-guru atau pendidik hendaklah menjadi contoh kepada kliennya serta mewujudkan hubungan yang mesra antara kaunselor dengan klien, seperti yang telah ditegaskan oleh A.L. Tibawi.¹³²

“Know, o brother that you teacher is the begetter of your soul just as your father is to begetter of your body. Your father gave you physical form, but your teacher gives you a spiritual one. Your teacher nourishes your soul with learning and wisdom and guides it to attain everlasting bliss. Your father brought you up and trained you to make a living in this transient world.”

Selain dari itu tempat-tempat permainan yang menjalankan aktiviti riadah atau sukan juga memainkan peranan penting bagi melahirkan individu

¹³⁰Muhd Atiyah al-Abrasyi, *op.cit.*, hal. 90-91.

¹³¹*Ibid*, hal. 74.

yang berakhhlak mulia. Tanya bukan sahaja bertujuan untuk menguatkan badan dan memelihara kesihatan, bahkan dapat menerapkan ciri-ciri akhlak yang mulia antaranya seperti bersifat tegas, sabar, bersungguh-sungguh untuk mencapai kemenangan dan kejayaan, mengajar hidup bermasyarakat dan berjamaah, tolong menolong serta menghormati undang-undang.¹³³

Bagi memastikan keberkesanan dan keberhasilan ke arah kemurniaan akhlak, semua golongan yang terlibat dengan **bimbangan** dan pendidikan sama ada ibu bapa, penjaga mahupun guru-guru atau kaunselor mestilah menjadi model atau *qudwah hasanah* kepada individu. Setiap aktiviti yang dilakukan oleh golongan tersebut, hendaklah menjadi sebagai contoh atau model yang baik. Secara khususnya, ibu biasanya hendaklah menjadi contoh kepada anak perempuan, manakala bapa pula menjadi contoh kepada anak lelaki.¹³⁴

Berdasarkan kepada kenyataan di atas dapat dibuat satu kesimpulan bahawa akhlak yang mulia menjadikan seseorang itu dipandang tinggi di sisi Allah (s.w.t) dan merupakan masyarakat yang bermaruah serta

¹³² A L. Tibawi, *Islamic Education Its Traditions And Modernization Into The Arab National Systems*, Luzac & Company Ltd, 1972, hal. 39.

¹³³ Muhd. Atiyah al-'Abrasyi, *Ruh al-Tarbiyah al-Ta'lim*, op.cit., hal. 79.

¹³⁴ Wan Amnah Wan Yaacob, *op.cit.*, hal. 56.

mempunyai tamaddun yang tinggi dan unggul. Oleh itu, peranan kaunselor dalam konteks dakwah mestilah memberikan bimbingan dan khidmat kaunseling ke arah akhlak yang mulia. Dengan cara ini dapat membentuk klien yang berakhlak mulia dan dapat berfungsi di dalam masyarakat serta dapat meninggikan taraf sesuatu umat. Mengenainya penyair Syauqi pernah menyatakan bahawa:¹³⁵

وَإِنَّ الْأَمْرَ إِلَّا لِلْخَلَقِ مَا بَقِيَتْ فَإِنْ هُمْ وَالْمُهَاجِرُونَ نَبْغُوا نَبْغَةَ الْخَلَقِ
• نَبْغُوا

Ertinya:

“Sesuatu bangsa tetap hidup selama akhlaknya tetap baik. Andainya akhlak sudah rosak, maka hilanglah bangsa itu”

2.6.5 Memberi Kesedaran Kepada Matlamat Kehidupan Manusia

Untuk memberi kefahaman kepada klien tentang matlamat kehidupan manusia perkhidmatan kaunseling boleh memainkan peranannya untuk dakwah. Di sini kaunselor berperanan memberikan tumpuan kepada penjelasan tentang matlamat kehidupan manusia menurut perspektif Islam

¹³⁵Muhammad Atiyyah al-Abrasyi, *op.cit.*, hal. 40.

dengan melihat kepada konsep, metode dan implikasi proses penyelamatan Allah (s.w.t) ke atas manusia berdasarkan al-Qur'an.

Matlamat Kehidupan Menurut Perspektif Islam

Kemajuan yang dicapai sama ada oleh individu atau masyarakat Islam berdiri tegak di atas asas yang maknawi. Keseluruhan orang-orang Islam mempunyai tujuan hidup yang utama iaitu “النجاة” (keselamatan) dan “الفلاح” (kemenangan). Kedua-duanya “النجاة” dan “الفلاح” mempunyai unsur-unsur abstrak yang memberikan kepada mereka kebahagiaan diri, ketenangan hati dan kemenangan menentang hawa nafsu. Kerana itu, “النجاة” dan “الفلاح” ini menjadi matlamat Muslim sejati.¹³⁶ “الفلاح” juga menjadi salah satu tema yang utama di dalam semua kitab suci termasuk al-Qur'an al-Karim.¹³⁷

Di dalam al-Qur'an dan al-Hadith berbagai-bagai istilah digunakan untuk memberi erti keselamatan atau maksud yang sinonim dengannya. Semuanya menjadi objektif utama setiap individu muslim. Istilah-istilah

¹³⁶ Abu 'Ala al-Maududi, *Al-Iman*, Dar al-Khilafah, t.t, hal. 52.

yang dimaksudnya ialah *al-Najat* (نجاة), *Al-Falah* (الفلاح), *al-Fauz* (الغُور) ^{١٣٨}, *al-Sa'adah* (السعادة) dan *al-Hasanah* (الحسنة).^{١٣٩}

(نجا ينجو) (نجاة), adalah kata terbitan bagi kata kerja yang bererti lepas atau selamat^{١٣٩} sebagaimana ungkapan Arab yang berikut:

ما ارتفع من الارض الذي تظن انه نجا و كل السيل

Maksudnya:

"Apa-apa yang tumbuh di muka bumi engkau menyangka boleh menyelamatkan engkau, yang tidak boleh dinaiki oleh banjir"

Perkataan "نجاة" dan pecahan-pecahannya tersebut sebagai 69 kali di dalam al-Qur'an. FirmanNya:^{١٤٠}

وَلِمَاجَاهَ أَمْرُنَا بِجَهَنَّمَ هُوَ أَوْ أَلَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ بِرَحْمَةِ مِنَّا وَبِخَيْرِهِمْ مِنْ عَذَابِ غَلِظٍ ﴿٦٨﴾

^{١٣٧} Muhammad Abu al-Qassem, *Salvation Of The Soul and Islamic Devotion*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 1981, hal. 19.

^{١٣٨} *Mujmal al-Lughah*, J. 2, hal. 731. Lihat juga, Muhammad Reda, *Matan al-Lughah*, Beirut, Dar Maktabah al-Hayat, 1954, hal. 466. Lihat juga, *Al-Mu'jam al-Wasit*, J. 2, hal. 726.

^{١٣٩} Muhammad Namir al-Khatib, *Al-Islam Din al-Hikayah*, Beirut, Dar Maktabah al-Hayat, tt, hal. 440.

^{١٤٠} Al-Qur'an, surah Hud, ayat. 58.

Maksudnya:

“Dan tatkala datang azab Kami, Kami selamatkan Hud dan orang-orang yang beriman bersamanya dengan rahmat daripada Kami dan Kami selamatnya (pula) mereka (di akhirat) dari azab yang berat”

Sementara perkataan *al-Falah* (الْفَلَاح) adalah kata terbitan bagi kata kerja (فلح يفلح) yang bererti kejayaan atau suatu keadaan yang baik, kekal dan selamat.¹⁴¹ Kalimah ini serta pecahannya telah diulang di dalam al-Qur'an sebanyak 40 kali. Antara ialah:¹⁴²

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَتَقْوِا اللَّهَ وَأَبْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِهِ
لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ 

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepada-Nya (dengan menjunjung perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan berjuanglah pada jalan-Nya, supaya kamu beroleh kejayaan”

¹⁴¹ Abu al-Husain al-Faris bin Zakariyya, *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, Beirut, Dar al-Fikr, 1979, hal. 45.

¹⁴² Al-Qur'an, surah al-Maidah, ayat: 35.

Manakala perkataan *al-Fawz* (الفوز) adalah kata terbitan

daripada "فَازْ يَفْوَزْ" ^{١٤٣} yang bererti mencapai kebaikan, dan kemajuan.

Sama juga dengan perkataan *al-Sa'adah* (السعادة) ^{١٤٤} daripada kata

kerja "يَسْعَدْ يَحْسُنْ" ^{١٤٥} dan *al-Hasanah* (الحسنة) ^{١٤٦} daripada "يَسْعَدْ يَحْسُنْ" yang

membawa maksud memperolehi kebahagiaan, kebaikan dan keberkatan

dengan pertolongan Allah. ^{١٤٧}

Istilah-istilah ini bertalian antara satu sama lain. Setiap individu inginkan kebaikan dan kebahagiaan di dalam hidupnya kerana kedua-dua unsur ini akan memberikan keuntungan atau kemenangan kepada dirinya. Seterusnya apabila setiap individu memperolehi kebaikan, kebahagiaan dan kemenangan, ini akan membolehkan dia mencapai keselamatan (النجاة) daripada Allah (s.w.t) sama ada keselamatan itu berlangsung di dunia ini atau di akhirat nanti.

Dari ayat-ayat al-Qur'an yang telah dikemukakan, ternyata bahawa al-Qur'an membincangkan *keselamatan* itu dari dua kondisi: dunia dan akhirat.


^{١٤٣} Perkataan ini disebut sebanyak 29 kali di dalam al-Qur'an. Antaranya ialah: Lihat: al-Nisa: 73, "فَازْ نِرْزاً عَلَيْهَا"

^{١٤٤} Ianya ditempatkan di dalam al-Qur'an sebanyak 2 kali. Antaranya ialah "

"يَوْمَ يَأْتِي لَا تَكُونُونَ قَسْرًا إِلَيْا ذَرْدَةً فَمِنْهُمْ

^{١٤٥} Dindamo sebanyak 37 kali di dalam al-Qur'an. Antaranya ialah: "شَفَّى وَبَعَدَ حَمْرَى" ^{١-٢} "رَبَّكَاءَ ائِنْكَافِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَّ فِي الْآخِرَةِ" Lihat al-Baqarah: 201.

^{١٤٦} Butrus al-Bustani, *Munhit al-Munhit*, hal. 410.



Akhirat adalah proses kesinambungan yang bermula dari dunia. Justeru itu, Islam menutut umatnya agar menseimbangkan bahagiannya (keperluan dan bekalannya) sama ada di dunia mahupun di akhirat kerana ini adalah antara cara untuk seseorang memperolehi keselamatan daripada Tuhan. Firman Allah:¹⁴⁷

وَابْتَغِ فِيمَا أَتَيْكَ اللَّهُ الْدَّارُ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَى
نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا

Maksudnya:

“Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan oleh Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaanmu (keperluan dan bahagianmu) dari dunia”

Yang dimaksudnya oleh al-Qur'an dengan keselamatan di dunia ialah selamat dari segala jenis ancaman yang melemahkan kehidupan seperti bala bencana, ketidakadilan, penindasan, penyakit, kecelakaan, penyeksaan diri, kemiskinan dan pelbagai tekanan yang serupa itu. Antara firman Allah mengenai hal ini ialah:¹⁴⁸

قُلْ مَنْ يُنْجِي كُمْنَ ظُلْمٌ إِلَّا بِرُّ وَالْبَحْرُ تَدْعُونَهُ نَصْرًا وَحْقِيَّةً لَّيْنَ أَبْعَثْنَا مِنْ هَذِهِ
لَا تَكُونُنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ

¹⁴⁷ Al-Qur'an, surah al-Qasas, ayat: 77.

¹⁴⁸ Al-Qur'an, ayat al-An'am, surah: 63.

Maksudnya:

“Katankah Siapakah yang menyelamatkan kamu dari bencana di darat dan di laut? (ketika) kamu berdua merayu-rayu kepadaNya dengan merendah diri (secara berterusan) dan secara bersembunyi (dengan berkata): Demi sesungguhnya jika Ia selamatkan kami daripada bencana ini nescaya menjadilah kami daripada orang-orang yang bersyukur”

Ayat ini menunjukkan bahawa Allah (s.w.t) menyelamatkan hamba-hamba yang memohon kepada-Nya daripada semua mala petaka dunia sama ada yang berlaku di darat atau di laut. Sementara keselamatan di akhirat ialah selamat daripada segala seksaan dan azab Allah.

Apabila seseorang itu memperolehi keselamatan ini, Allah akan memberikannya kegembiraan atau ganjaran yang baik. Firman Allah:¹⁴⁹

﴿٧٦﴾
ثُمَّ تَرْحِيَ الَّذِينَ أَنْقَوْا وَنَذَرُ الظَّالِمِينَ فِيهَا حِشْتَأْ

Maksudnya:

“Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa dan membiarkan orang-orang yang yakin di dalam neraka dalam keadaan berlutut”

Ayat di atas menerangkan bahawa orang-orang yang bertaqwa kepada Allah. Allah akan menyelamatkannya daripada segala seksaan. Sebaliknya orang-orang yang berbuat kejahanatan atau kezaliman, dia akan mendapat berbagai-bagai seksaan dan balasan azab neraka.

Islam memandang kehidupan berdasarkan pandangan yang positif. Setiap muslim dilahirkan tanpa dosa,¹⁵⁰ dosa disahami sebagai konsep etika yang penting yang tidak boleh dipisahkan dari tanggungjawab moral individu. Islam juga memberi panduan kepada manusia sama ada memilih kebaikan atau keburukan.¹⁵¹ Namun begitu dalam mengharungi arus kehidupan ini, manusia tidak terlepas daripada melakukan dosa kecuali para rasul kerana mereka bersifat *ma'sum* (terperlihat daripada melakukan maksiat). Dosa akan membawa manusia ke neraka dan menyekat mereka daripada bertemu Tuhan mereka serta menghalangnya dari memasuki Syurga di akhirat kecuali bagi orang-orang yang telah bertaubat. Di sinilah perlunya keselamatan oleh setiap individu.

¹⁴⁹ Al-Qur'an, surah Maryam, ayat, 72. Lihat juga: Al-Saff: 10, Al-Mu'min: 41.

¹⁵⁰ Abu Hurairah meriwayatkan Rasulullah (s.a.w) bersabda yang bermaksud: "Tidaklah yang dilahirkan itu melainkan ia dilahirkan di atas fitrah (bersih dan suci dari dosa), maka kedua ibu bapanya lah yang mengyahudikan". *Sahih Muslim*, jil. 4, hal. 2047. Menurut agama Islam, seseorang manusia dilahirkan di dalam keadaan bersih, yakni tiada dosa walaupun dosa asli. Kesalahan yang dilakukan oleh bapa mereka Adam adalah untuk dirinya sahaja dan keturunannya tidak menanggung dosanya. Adam kemudiannya diampunkan dosanya oleh Allah kerana bertaubat. Lihat Anwar al-Jundiyy, *Mu'allamah al-Islam*, Beirut, Al-Maktab al-Islamiyy, 1980, hal. 199.

¹⁵¹ Al-Qur'an, surah al-Balad, ayat: 10.

Manusia hidup di dunia yang bersifat sementara. Kebahagiaan dan keuntungan yang diperolehi di alam ini akan tidak akan kekal selama-lamanya. Keselamatan yang lebih abadi ialah yang diperolehi di akhirat nanti. Firman Allah:¹⁵²

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعْبٌ وَلَهُوَ
وَلَلَّدَارُ الْآخِرَةُ حِيرَ لِلَّذِينَ يَقُولُونَ أَفَلَا يَتَعَقَّلُونَ
٢٣٦

Maksudnya:

“Dan tiadalah kehidupan di dunia ini selama dari mainan-mainan dan senda gurau belaka dan sesungguhnya kampung akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Maka tidaklah kamu memahaminya”

Setelah keselamatan berjaya dicapai, hidup seseorang Muslim itu menjadi tenang dan bahagia, jiwa yang tenteram dan aman sehingga akhirnya ia dikatakan sebagai Muslim dan Mukmin yang telah memperolehi kemenangan di dunia dan kemenangan di akhirat (syurga). Justeru itu, sewaktu mendengar *muazzin* menyebut “ حَىٰ عَلٰى الْفَلَان ” maka dapat difahami bahawa dia menyeru setiap manusia ke arah kemenangan, kejayaan dan kebahagiaan yang menjanjikan keselamatan.¹⁵³ Inilah matlamat hidup bagi setiap muslim mukmin kerana tiada ganjaran yang lebih bernilai

¹⁵² Al-Qur'an, surah al-An'am, ayat: 32.

¹⁵³ Abd al-Rahim Fu'ad, *Min Ma'ani al-Qur'an*. (t.p.t.t), hal. 38.

di sisi Allah (s.w.t) melainkan keselamatan daripada-Nya dan sekaligus mendapat keredaan serta keampunan-Nya.

2.2.6 Dorongan Beriman Dan Beramal Soleh

Kaunseling berperanan dalam dakwah iaitu mendorong sasaran ke arah peningkatan iman dan amal soleh. Dengan ini kaunseling berperanan menjelaskan tentang kewajipan seseorang itu beriman dengan segala rukun iman dan beramal dengan segala rukun Islam yang telah ditetapkan oleh Allah (s.w.t) di dalam kitab al-Qur'an al-Karim.

Hampir keseluruhan ulamak Islam menegaskan bahawa skop keimanan lengkap dan sempurna hendaklah merangkumi tiga ciri penting iaitu “الاقرار باللسان” (membenarkan dengan hati), “التمدّيـن بالقلب” (mengakui dengan lidah) dan “العمل بالجوارح” (melakukan dengan anggota).¹⁵⁴

¹⁵⁴ Muhammad Bisar, *Al-'Aqidah Wa al-Akhlaq Fi Hayat al-Fard Wa al-Mujtama'*; Dar al-Kitab al-Lubnaniyy, Beirut, 1973, hal. 100. Lihat juga Muhammad Namir al-Khatib, *op.cit.*, hal. 40. Lihat juga Abdullah bin Ziyyn al-Mahmud, *Tathqif al-Azhan 'Aqidah al-Islam Wa al-Iman*, Qatar, 1982, hal. 70.

Golongan Salaf dan Khalaf mendefinisikan Iman dari sudut syarak iaitu mempercayai dan membenar secara pasti adanya Allah (s.w.t), keesaanNya dan kekuasaanNya, semua sifat dan kesempurnaanNya yang tidak terbatas dan bahawa Nabi Muhammad (s.a.w) adalah Rasul atau utusan Allah serta semua yang dibawa olehnya berupa suruhan dan larangan yang mengandungi akidah, hakikat dan syari'at, adalah benar. Kepercayaan yang tertanam dalam hati itu hendaklah disertai oleh pengucapan dengan lisan secara terang, jelas dan tegas disertai pula dengan mengamalkan apa yang diperintah oleh Sayidina Muhammad (s.a.w).¹⁵⁵

Prinsip keimanan yang diajar oleh al-Qur'an dan al-Hadith sangat mudah difahami. Keimanan di dalam Islam ialah keyakinan dan kepercayaan seseorang kepada rukun Islam¹⁵⁶ dengan sepenuh hati, manakala amalan soleh ialah sebarang perakuan yang memberi pulangan hasil yang baik (pahala). Amalan soleh pada asasnya didasarkan kepada rukun Islam¹⁵⁷ yang telah digariskan oleh Allah (s.w.t).

¹⁵⁵ Abd al-Mu'in Ali al-Hamidi, *Hakikat Iman Menurut al-Qur'an dan Hadith*, Singapura, Pustaka Nasional PTE, LTD, 1983, hal. 34, Terj. Mahyuddin Syaf.

¹⁵⁶ Lihat: *Sahih Muslim*, jil. 1 (Kitab al-Iman), hal. 39.

¹⁵⁷ Lihat: *Sahih Bukhari*, Qaherah, Al-Haiah al-'Ammah al-Kitab, t.t, jil. 1 (Kitab al-Iman), hal. 9.

Keimanan yang sebenar bukan sekadar menyebut dengan lidah sahaja tanpa membenarkan dengan hati bahawa dia telah beriman kerana sekiranya pengucapan sahaja yang dibuat, maka golongan munafiq juga menyatakan mereka telah beriman. Firman Allah:¹⁵⁸

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ إِيمَانًا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٨﴾
يُخَدِّعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَوْ مَا يَخْدِعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشَعُرُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya:

“Dan di antara manusia ada yang berkata”
Kami telah beriman kepada Allah dan kepada Hari Akhirat, pada hal mereka sebenarnya tidak beriman. Mereka henak memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, pada hal mereka hanya memperdayakan dirinya sendiri sedang mereka tidak menyadarinya”

Iman dan `amal soleh adalah dua perkara yang tidak boleh dipisahkan. Amal soleh merupakan pembuktian dan realisasi iman. Seseorang yang beriman keapda Allah tetapi tidak mengerjakan amalan-amalan soleh, maka tujuannya untuk memperolehi keselamatan adalah sukar.¹⁵⁹

¹⁵⁸ Al-Qur'an, surah al-Baqarah, ayat: 7-9.

¹⁵⁹ Fazlul Karim, *The Religion Of Man*, Pakistan: Islam Mission Library, 1982, hal. 296.

Setiap yang ingin mencapai keselamatan, kenikmatan dan kebahagiaan dalam hidupnya sama ada di dunia maupun di akhirat, maka hendaklah dia bertaubat dan beriman.¹⁶⁰ Buah daripada keimanan ialah amal soleh. Justeru itu, sesiapa yang berkehendakkan rahmat iman melalui ilmu dan *basirah* (pandangan hati), seharusnya dia berusaha mengembang dan memelihara imannya dengan amal soleh.¹⁶¹ Pertautan rapat antara iman dan amal sehingga memberi kesan yang sangat baik telah dijelaskan oleh Allah menerusi firman-Nya:¹⁶²

الَّذِينَ إِمْنَوْا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ طُوبَى لَهُمْ وَخُسْنٌ مَّا بَرَأْتُ¹⁶³

Maksudnya:

“Orang-orang yang beriman dan beramal soleh, beroleh kebahagiaan yang amat mengembirakan dan tempat kembali yang sebaik-baiknya”

Amalan soleh yang diperaktikkan hendaklah mengandungi beberapa ciri tertentu, iaitu ikhlas, benar dan sabar. Setiap amalan tidak akan dinilai

¹⁶⁰ Lihat al-Qasas” 67.

¹⁶¹ Abd al-Hajaad Azzindani, *Iman Menurut al-Qur'an dan Hadith*, Malaysia, Penerbitan al-Hasyur Sdn. Bhd., 1991, hal. 56.

¹⁶² Al-Qur'an, surah al-Ru'du, ayat: 29.

dan sempurna kecuali dengan tiga sifat ini.¹⁶³ Jika sifat-sifat ini tidak dimiliki, maka segala perbuatannya akan ditolak dan sia-sia, sekaligus cita-cita untuk memperolehi keselamatan di akhirat tidak akan tercapai sepermianya yang berlaku kepada orang-orang munafiq. Firman Allah:¹⁶⁴

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ يَخْلِدُونَ اللَّهَ وَهُوَ خَلِدُهُمْ وَإِذَا قَاتَلُوا إِلَيْهِمْ
الصَّلَاةَ قَامُوا كُسَالَىٰ بِرِءَاءِ وَنَاسٍ وَلَا يَذَكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا
(٧٦)

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang munafik itu melakukan tipudaya (terhadap agama) Allah (dengan perbuatan pura-pura beriman sedang mereka kafir pada batinnya), dan Allah tetap pula membala tipudaya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik). Mereka pula apabila berdiri hendak sembahyang, mereka berdiri dengan malas. Mereka hanya bertujuan ‘riya’ (memperlihatkan sembahyang) kepada manusia (supaya disangka bahawa mereka orang yang beriman) dan mereka pula tidak mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang) melainkan sedikit sekali (jarang-jarang)”

Iman yang wujud di dalam hati seseorang akan menghampirkan dirinya kepada Tuhan. Dia akan sentiasa membersihkan jiwa,¹⁶⁵ selalu

¹⁶³ Abd. Halim Mahmud, *Al-Tariq ila Allah*, Misr, Dar al-Ma'rifah t.t, hal. 29.

¹⁶⁴ Al-Qur'an, surah al-Nisa', ayat: 142.

¹⁶⁵ Al-Syams: 9.

mengingati Allah,¹⁶⁶ sujud dan ruku' tanda pengabdian diri kepada Tuhan,¹⁶⁷ dirinya akan dipelihara daripada kebakilan,¹⁶⁸ malah ia sanggup membelanjakan sebahagian daripada rezeki kepunyaannya kepada kaum keluarga (yang mempunyai hak), orang miskin dan musafir yang perlukan bantuan.¹⁶⁹ Disebabkan ketaatan dan kepatuhannya kepada segala rukun Iman dan rukun Islam ini, akhirnya dia akan menjadi hamba yang dicintai oleh Allah dan untuk mendapat keselamatan daripada Allah adalah amat mudah sekali baginya.¹⁷⁰

Menurut Islam, seseorang itu tidak akan diselamatkan jika dia tidak beriman dan beramal soleh kerana kedua-duanya merupakan tunjang dan asas untuk mendapat keselamatan daripada Tuhan. Hanya orang-orang yang mengikuti jalan Allah akan diselamatkan oleh-Nya. Firman Allah:¹⁷¹

وَالسَّلَامُ عَلَىٰ مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَىٰ ﴿٤١﴾

Maksudnya:

“Dan keselamatan itu dilimpahkan kepada orang-orang yang mengikuti petunjuk”

¹⁶⁶ Al-'Araf: 69.

¹⁶⁷ Al-Hajj: 77.

¹⁶⁸ Al-Tahabun: 16.

¹⁶⁹ Al-Rum: 16.

¹⁷⁰ Yusuf al-Qaradawi, *Al-Iman wa al-Hayat*, hal. 57.

¹⁷¹ Al-Qur'an, surah Taha, ayat: 47.

Antara janji-janji Allah untuk orang yang beriman dan beramal soleh ialah mendapat syurga yang kekal abadi. Firman-Nya iaitu:¹⁷²

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّاتُ الْفَرْدَوسِ مُزَّكِّيَةً ﴿١٠٧﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh bagi mereka syurga Firdaus”

Allah juga menjanjikan bahawa orang-orang yang melakukan amal soleh akan dapat bertemu dengan-Nya pada hari akhirat kelak. Ini merupakan satu kurniaan yang terlalu besar yang dicita-citakan oleh setiap Muslim. Firman Allah:¹⁷³

فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلَا يَعْمَلْ عَمَلاً صَنِعَهُ أَوْ لَا يُشَرِّكُ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا ﴿١١٠﴾

Maksudnya:

“Barangsiaapa mengharap perjumpaan dengan Tuhananya, maka hendaklah ia mengerjakan amal soleh dan janganlah ia

¹⁷² Al-Qur'an, surah al-Kahfi, ayat; 107.

¹⁷³ Al-Quran, surah al-Kahfi, ayat: 110.

mempersatukan seorang pun dalam beribadat kepada Tuhannya”

Keteguhan iman dan pencerusan amalan salah akan membawa hasil takwa di mana ketakwaan adalah salah satu jalan (الْفَلَاقُ) dan keselamatan (النَّجَاةُ) daripada Allah (s.w.t). Allah juga telah menyediakan syurga pada orang-orang yang bertakwa kepada-Nya. Sebagaimana firman-Nya:¹⁷⁴

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّاتُ الْفَرْدَوسِ مُزَرَّاً

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang yang bertakwa berada di dalam syurga dan kenikmatan”

2.6.7 *Al-Amr bi al-Ma'ruf Wa al-Nahy 'An al-Munkar*

Kaunseling berperanan dalam dakwah iaitu mendorong klien ke arah melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh agama.

¹⁷⁴ Al-Qur'an surah al-Kahf, ayat. 107.

Peranan kaunselor ialah mendorong klien kepada ma'ruf dan mencegah segala bentuk kemungkaran.¹⁷⁵ Seorang Muslim tidak akan menjadi Muslim yang sebenar selagi dia tidak melaksanakan tugas kepada diri, keluarga dan masyarakatnya. *Amr ma'ruf* dan *nahi mungkar* adalah *taklif rabbani* (tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah sebelum ia menjadi *taklif harakiy*).¹⁷⁶ Allah telah menggambarkan di dalam al-Qur'an bahawa sebahagian orang lelaki dan perempuan yang beriman sering tolol menolong antara saudara saudara lain di dalam menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran, sedangkan orang-orang munafiq sebaliknya. Firman-Nya:¹⁷⁷

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بِعَصْمَهُنَّ أُولَئِكَ بَعْضٌ
يَا مُرْسَلُكَ إِلَيْهِ رُوفٌ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

¹⁷⁵ Berbagai definisi telah diberikan oleh jumur ulama' terhadap kalimah *ma'ruf* ini. Menurut al-Ghazali, *ma'ruf* adalah bentuk positif seperti tindakan yang berkaitan dengan petunjuk, kebijakan, pendidikan, perkara yang elok dan kerjasama. *Mungkar* pula adalah bentuk negatif iaitu larangan ke atas orang-orang Islam daripada melakukan perkara yang merugikan di dunia dan di akhirat. Lihat: Sayid Jalaluddin Ansar, *Ma'ruf dan Mungkar* Delhi: Hindustan Publication, 1983, hal. 14. Trans Syed Amin Asyraf. Al-Baydawiy menulis: *ma'ruf* bererti beriman dan ta'at, *mungkar* pula serupa dengan kafir dan maksiat. Dalam Tushihiko Izutsu, *Ethico Religious Concepts In The Qur'an*, London, Mc Gill University, 1968, hal. 216. Al-Razi berkata, *ma'ruf* ialah beriman kepada Allah dan *mungkar* ialah kufur terhadap Allah. Lihat: Al-Tafsir al-Kabir, jil. 4, hal. 523. *Ma'ruf* ialah taat dan *mungkar* ialah engkar kepada syarak, demikian pendapat al-Alusiyy. Dalam Sylib al-Din al-Sayyid Baghadiyy al-Alisiyy, *Ruh al-Ma'mi*, jil. 4, hal. 28.

¹⁷⁶ Fathi Yakan, *Bahera Penyelamat Dalam Kehidupan Pendakwah*, Dewan Pustaka Fajar, Selangor, 1985, hal. 165. Terj. Abdul Ghani Samsuddin dan Zawawi Hj. Ali.

¹⁷⁷ Al-Qur'an, surah al-Taubah, ayat: 71.

Maksudnya:

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengajak) kepada ma'ruf dan mencegah daripada perkara mungkar”

Menurut al-Dahhak (m. kurun pertama H), menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran merupakan dasar Islam dan tugas utama bagi orang-orang Islam.¹⁷⁸ Ini adalah salah satu cara penting bagi setiap Muslim untuk memperolehi keselamatan dan kebaikan daripada Allah (s.w.t).¹⁷⁹

Banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menyuruh manusia menyeru kebaikan dan mencegah keburukan/kemaksiatan. Antaranya ialah:

Firman Allah:¹⁸⁰

وَلَا تُكُنْ مِّنَ الظَّالِمِينَ
يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَنَهَا يَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ
١٧٤

¹⁷⁸ Dalam Muhammad al-Syawkani, *Fath al-Qadir*, jil. 2, hal. 368.

¹⁷⁹ Abu Bakar Ahmad bin Muhammad al-Khilal, *Al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Mungkar*, Dar al-Ihtisam, t.t, hal. 452.

¹⁸⁰ Al-Qur'an, surah Ali Imran, ayat: 104.

Maksudnya:

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah daripada mungkar, mereka lah orang yang beruntung"

Ayat di atas memerintahkan manusia supaya selalu menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran. Sebaliknya orang yang meninggalkan dakwah bentuk ini akan mendapat balasan seksa daripada Allah.

Firman Allah:¹⁸¹

فَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِرَ وَأَيْدِيهِ أَبْحَيْنَا الَّذِينَ يَنْهَا نَعْنَالَ السُّوءِ
وَأَخْذَنَا الَّذِينَ ظَلَمُوا إِعْذَابًا بِعِيسَىٰ بِمَا كَانُوا يَفْسُدُونَ



Maksudnya:

"Maka tatkala mereka melupakan apa yang diperingatkan kepada mereka, Kami selamatkan orang-orang yang melarang daripada perbuatan jahat dan Kami timpakan kepada orang-orang yang zalim seksaan yang keras, disebabkan mereka selalu berbuat fasik"

¹⁸¹ Al-Qur'an, surah al-'Araf, ayat; 165.

Selain dari itu, akibat tidak melakukan dakwah akan menyebabkan berlaku gejala-gejala buruk seperti yang dialami umat-umat terdahulu. Umpamanya kaum Lut yang diperdayakan oleh hawa nafsu telah membuat dosa (homoseks) sama sejenis.¹⁸² Begitu juga dengan kaum 'Ad yang melakukan kemungkaran dengan mendustakan ayat-ayat al-Qur'an¹⁸³ dan kaum Thamud yang menderhaka dan melakukan kezaliman kepada Allah, iaitu mendustakan ancaman-ancaman-Nya.¹⁸⁴ Hal yang sama berlaku kepada Fir'aun dan orang-orangnya yang ditimpa azab yang pedih oleh Allah kerana mengingkari mu'jizat para Rasulullah.¹⁸⁵

Kesamaran gejala yang berlaku dan risiko yang ditanggung oleh golongan-golongan yang telah disebut, adalah akibat daripada ketiadaan iman dan kesedaran untuk berbuat baik dan mencegah kemaksitan atau kemungkaran kecuali hanya sejumlah kecil daripada mereka yang nyata diselamatkan kerana melarang manusia daripada berbuat bencana. Dalam konteks ini Allah berfirman:¹⁸⁶

¹⁸²Lihat: Al-A'raf: 80-81, al-Qur'an, surah al-'Araf, ayat: 80-81.

¹⁸³Lihat: Al-Qamar: 18, al-Qur'an, surah al-Qamar, ayat: 18.

¹⁸⁴Lihat: Al-Qamar: 23, al-Qur'an, surah al-Qamar, ayat: 23.

¹⁸⁵Lihat: al-Qamar: 41-42, al-Qur'an, surah al-Qamar, ayat: 41-42.

¹⁸⁶Lihat: Hud: 116, al-Qur'an, surah Hud, ayat: 116.

فَلَوْلَا كَانَ مِنَ الظُّرُوفِ مِنْ قَبْلِكُمْ أَفْلَوْا يَقِيَّةً يَنْهَا عَنِ الْفَسَادِ
فِي الْأَرْضِ إِلَّا قَلِيلًا قَمَّنَ أَجْهِنَّمَ مِنْهُمْ وَاتَّبَعَ الَّذِينَ
ظَلَمُوا مَا أَتَرْفَوْا فِيهِ وَكَانُوا بُحْرَمَةٍ ﴿١١٣﴾

Maksudnya:

"Maka mengapa tidak ada dari umat-umat yang sebelum kami orang-orang yang mempunyai keutamaan yang melarang daripada (mengerjakan) kerosakan di muka bumi kecuali sebahagian kecil di antara orang yang telah Kami selamatkan di antara mereka dan orang yang zalim hanya mementingkan kenikmatan yang mewah yang ada pada mereka, dan mereka adalah orang-orang yang berdosa"

Untuk menghindari sejarah umat-umat silam daripada berulang kembali, maka orang-orang Islam telah diseru untuk menjalankan perintah Allah iaitu *amar ma'ruf nahi mungkar*. Firman Allah:¹⁸⁷

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أَخْرَجْتَ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَنَهَاكُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَوْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya:

"Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang *ma'ruf*, dan mencegah dari yang *mungkar* dan bermanfaat kepada Allah"

¹⁸⁷ Al-Qur'an, surah Ali 'Imran, ayat: 110.

Ayat di atas menunjukkan betapa Allah menyuruh menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Menurut para mufassirin, kalimah “**كُنْتُ**” di dalam ayat di atas merujuk kepada para sahabat Nabi yakni umat yang paling baik yang dilahirkan untuk kepentingan manusia. Jika mereka melarang manusia lain dari berbuat kejahanatan, maka mereka telah dijamin oleh Allah dengan memperolehi faedah keselamatan dari-Nya dan sebaliknya keseksaan yang keras akan ditimpakannya oleh Allah kepada orang-orang yang zalim disebabkan mereka selalu berbuat fasiq.¹⁸⁸ Umat-umat selepasnya boleh juga menjadi seperti para sahabat apabila iman mereka seperti iman sahabat dan selalu menyeru kepada kebaikan dan menahan kemungkaran.¹⁸⁹

Jika peranan ini dapat diaplikasikan di dalam kaunseling secara bersungguh-sungguh, maka matlamat kehidupan klien untuk beroleh keselamatan dan kemenangan daripada Tuhan akan terlaksana kerana inilah yang dijanjikan oleh-Nya mereka akan mendapat keuntungan di dalam seluruh kehidupan kerena telah menunaikan perintah Allah.

Di samping itu, di dalam hadith-hadith Nabawi, terdapat banyak keterangan yang mengukuh dan menjelaskan keterangan al-Qur'an tentang

¹⁸⁸ Imam al-Ghazali, *Amar Ma'ruf Nahi Mungkar*, Pustaka al-Ameen, Kuala Lumpur, 1988, Terj. Imran Abu Bakar, hal. 13.

¹⁸⁹ Syahminan Zaini, *Kumpulan Khutbah Juma'at*, Al-Ikhlas, Surabaya, 1981, hal. 34.

kewajipan berdakwah ke arah menyeru ma'ruf dan mencegah segala kemungkaran. Tidak harus seseorang itu menyukai atau menyokong kepada sebarang bentuk kemungkaran termasuk orang-orang yang melakukan kemungkaran itu. Justeru itu, mengingkari dengan hati adalah fardhu 'ain.¹⁹⁰ Dengan metod ini, manusia akan sentiasa berada di dalam situasi yang selamat dan sejahtera. Di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri beliau berkata:¹⁹¹

سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول، من رأى منكم منكرا فاستطاع أن ينذر به فلينذره به، فإن لم يستطع فعلسانه، فإن لم يستطع فبقلبه، وذلك أضعف الإيمان.

Maksudnya:

“Aku mendengar Rasulullah bersabda: Barang siapa melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya, jika tidak berkuasa maka dengan lidahnya, dan jika tidak berkuasa juga maka dengan hatinya dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman.”

Dari hadith ini, ternyata bahawa Rasulullah (s.a.w) begitu menekankan keperluan melaksanakan tugas ini yang dianggap sebagai kunci keselamatan, kedamaian dan kebahagiaan manusia.

¹⁹⁰ Abu Bakar Ahmad Muhammad al-Khilal, *op.cit.*, hal. 44.

Kesimpulannya, seseorang itu seharusnya sedar bahawa keamanan, kebahagiaan dan kesejahteraan hidup tidak akan tercapai jika tiada inisiatif diambil untuk menuju ke arah itu. Antara usaha yang dimaksudkan ialah bersama-sama berganding bahu menyeru kepada kebaikan dan mencegah sebarang kemungkaran dan andainya tujuan ini berjaya dicapai, hidup seseorang, masyarakat dan negara akan selamat kerana beroleh keselamatan daripada Tuhan.

2.6.8 Penjelasan Tentang Konsep Jihad: Berjuang Pada Jalan Allah (s.w.t)

Termasuk juga peranan yang boleh dilakukan oleh kaunseling untuk dakwah ialah mendorong klien berjuang pada jalan Allah (s.w.t). Apabila seseorang itu benar-benar beriman dan beramal soleh, menyeru kepada makruf serta mencegah mungkar, maka dia dikatakan sudah mencintai Allah dan Rasul-Nya. Hasil dari buah iman dan bukti kecintaannya ialah pengorbanannya untuk yang dicintainya (Allah s.w.t) iaitu berjihad pada jalan Allah (s.w.t). Setelah ketiga-tiga perkara ini direalisasikan, maka dia dikategorikan sebagai salah satu jalan untuk mencapai keselamatan Tuhan.

Dari sudut bahasa, perkataan jihad (جَهَادٌ) berasal dari kalimah *al-juhd* (الْجُهُودُ) bererti kesusahan.¹⁹²

Dipandang dari sudut ini, maka jihad secara umum dapat diistilahkan kepada setiap usaha yang memerlukan curahan daya dan tenaga kekuatan demi menegakkan agama Allah dan cita-cita mulia iaitu keredaan, kemampuan dan rahmat Allah (s.w.t). Orang yang berusaha mencurahkan seluruh tenaganya dipanggil sebagai *mujahid* (مجاهِد).

Jihad adalah satu perjanjian yang ditawarkan oleh Allah (s.w.t) kepada hamba-hamba-Nya yang beriman. Ini adalah satu perniagaan yang menjamin keuntungan atau kemenangan yang paling besar dan mulia. Allah (s.w.t) berfirman:¹⁹³

﴿إِنَّ اللَّهَ أَشَرَّى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ
يَا أَيُّهُمُ الْجَنَّةَ يُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيُقْتَلُونَ
وَيُقْتَلُونَ وَعَدَ اللَّهُ عَلَيْهِ حَقًا فِي الْوَرَثَةِ وَإِلَيْهِ يُحِيلُ
وَالْقُرْبَاءِ إِنَّمَا أَوْفَ بِعَهْدِهِ مِنْ اللَّهِ فَاسْتَبِرُوا
يَنْهَاكُمُ اللَّهُ أَذْنَى بِأَعْيُنِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفَزُورُ الْعَظِيمُ﴾

¹⁹² Muhammad Ali Hamid al-Sayyid Ubay, Abd al-Qadir al-Sheikh al-Idris dan Muhammad Hijaz Muddathir, *Al-Jihad fi al-Islam*, al-Dar al-Sa'udiyah al-Kutub, 1979, hal. 12

¹⁹³ Al-Qur'an surah al-Taubah, ayat: 111.

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah (s.w.t) telah membeli daripada orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan akan beroleh syurga (disebabkan) mereka berbinuh-binuh pada jalan Allah, maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Balasan syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah (s.w.t) di dalam kitab-kitab) Taurat dan Injil serta al-Qur'an, dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janji-Nya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jualbeli-Nya itu, dan (ketahuilah bahwa) jualbeli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang benar"

Sebaliknya orang-orang yang tidak melakukan jihad akan mendapat balasan azab yang pedih daripada Allah (s.w.t). Dalam hal ini, Allah (s.w.t) berfirman:¹⁹¹

إِنَّمَا يُعَذِّبُكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا وَسَيَبِدِلُ قَوْمًا
غَيْرَكُمْ وَلَا يَضُرُّهُ شَيْئًا وَاللهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ فَدِيرٌ^{۲۳۸}

Maksudnya:

"Jika kamu tidak perangi beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah membeli agama-Nya, Allah) akan menyeksa kamu dengan azab seksi yang tidak terperi sakitnya, dan ia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain, dan kamu tidak akan mendatangkan mudharat sedikit

¹⁹¹ Al-Qur'an surah al-Taubah, ayat. 39.

*juar kepada-Nya. Dan (ingatlah) Allah (s.w.t)
Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu”*

Menurut al-Qur'an, jihad adalah umum dan menyeluruh, merangkumi semua aspek daya dan tenaga kemampuan dan kekuatan manusia Muslim dalam menghadapi musuh-musuhnya dan kelemahan masyarakatnya.

Jihad terbahagi kepada dua bahagian besar iaitu jihad nafsu yang lebih dikenali sebagai jihad besar (الجهاد الاعظم) dan jihad lahir yang sering disebut sebagai jihad kecil (الجهاد الاعضاء).¹⁹⁵

Jihad nafsu ialah jihad memerangi godaan atau tipudaya syaitan dan iblis (musuh asli dan abadi)¹⁹⁶ untuk tujuan mentaati Allah (s.w.t), tunduk patuh dan menyerah sujud hanya kepada-Nya dengan harapan supaya segala amalan diterima dan diredayai oleh Allah (s.w.t). Jihad bentuk ini juga untuk membersih jiwa dan menyucikan hati daripada sifat-sifat tercela (*mazmumah*) dengan sifat-sifat yang mulia serta terpuji, seterusnya untuk mencapai

¹⁹⁵ Hassan al-Banna, *Risalah Jihad*, The Holy Koran Publishing House, Damascus, 1977, hal. 47.

¹⁹⁶ Al-Qur'an surah Yasin, ayat: 60-62.

kemuliaan Tauhid, keikhlasan ibadah, kebersihan akhlak dan ketinggian budi.¹⁹⁷ Hukum jihad jenis ini aialah fardu ain.

Menurut al-Qur'an dan al-Hadis, jihad lahir atau kecil terbahagi kepada lima bahagian, iaitu:¹⁹⁸

- a. Jihad dengan lisan (memberi nasihat atau menggunakan pena untuk menyebarkan dakwah Islamiyah kepada manusia).
- b. Jihad dengan pengajaran (berusaha mengajar, memberi ilmu dan mendidik orang-orang yang mahu menghayati Islam, di samping memberi pendidikan Islam yang benar dan sempurna).
- c. Jihad dengan tangan dan diri (perang melawan musuh orang kafir, murtad, pemberontak yang menentang kerajaan yang adil, orang-orang fasik dan jihad ke atas orang *al-nakithin* (merosakkan sumpah)).
- d. Jihad dengan politik (mengubah sistem pemerintahan kuku besi yang beku dan menciptakan sesuatu sistem masyarakat baru yang kehidupan dengan kekuatan pedang).

¹⁹⁷ Haron Din, Sulaiman Yasin, Hassan Salleh dan Sidi Gazalba, *Mamisia Dan Islam*, Percetakan Watan Sdn., Bhd., Kuala Lumpur, 1988, hal. 330.

¹⁹⁸ Said Hawwa, *Jund Allah Thaqafatan wa Akhlaqa*, Dar al-Kutub, Beirut, 1979, hal. 380.

- e. Jihad dengan harta (membahagikan harta benda pada jalan kebaikan terutama memberi bantuan kepada orang-orang yang berjuang seperti alat senjata atau gaji). Hukum jihad jenis ini ialah fardu kifayah.

Sekiranya kedua jihad kecil dan besar ini dapat diaplikasikan oleh seseorang yang beriman, di samping melakukan hijrah,¹⁹⁹ maka dia telah berjaya merealisasikan hakikat nilai-nilai hidup insan yang hakiki di sisi Allah (s.w.t). Para mujahid yang ikhlas di dalam perjuangannya juga akan memperolehi kebaikan dan keberuntungan.²⁰⁰ Inilah kemenangan yang paling besar bagi mereka. Kebaikan meliputi keseluruhannya iaitu daripada unit individu hingga kepada sebuah negara sama ada di dunia maupun di akhirat nanti. Firman Allah:²⁰¹

الَّذِينَ إِمَنُوا هَاجَرُوا وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ
 يَأْمُونُكُمْ وَأَنْفَسُهُمْ أَعْظَمُ دَرْجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُوَ الْفَارِزُونَ (٢٣)

¹⁹⁹ Hijrah secara umumnya merupakan syiar keimanan, sama ada dari suatu tempat kekufturan, kemesyrikan, kejahilan kepada tempat yang dinaungi akidah keimanan, hakikat kebenaran, atau berhijrah daripada kemaksiatan, kemungkaran, kefasikan kepada ketaatan, kemakrufan dan kesalehan, seterusnya hijrah daripada ketaatan kepada ketakwaan dan hijrah dari cintakan dunia kepada cintakan Allah. Lihat: Haron Din (dkk), *op.cit.*, hal. 409.

²⁰⁰ Al-Qur'an surah al-Taubah, ayat: 88.

²⁰¹ Al-Qur'an surah al-Taubah, ayat: 20. Lihat juga: Al-Baqarah, ayat: 218. Al-Nisa, ayat: 74.

Maksudnya:

“Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah (s.w.t) dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (s.w.t) daripada orang-orang yang hanya memberi”

Ringkasnya, seseorang muslim tidak dapat sekali-kali meninggalkan jihad pada jalan Allah dan dia harus berjihad terus menerus sama ada dengan lisan, ilmu, harta, mata pedang dan nyawa. Jihad *fī sabīl llaḥ* ialah jihad untuk membela agama. Jiwa jihad tidak mungkin akan hidup pada setiap seseorang muslim tanpa mereka mempunyai keimanan dan ketakwaan yang kukuh. Melaksanakan jihad termasuk salah satu kebajikan yang akan membawa manusia kepada kebahagiaan, keselamatan, syahid dan syurga yang kekal abadi.

2.6.9 Penjelasan Tentang Konsep Ibadah Dalam Islam

Kaunseling berperanan dalam dakwah dengan memberikan penjelasan dan kefahaman yang sebenar kepada klien berhubung dengan konsep ibadah

bahawa manusia mempunyai tujuan hidup yang perlu diselesaikan dengan segala kegiatan dan keperluannya.²⁰²

Oleh itu fungsi manusia di atas muka bumi ini adalah semata-mata untuk mentauhid, menyembah, patuh dan menyerah diri hanya kepada Allah (s.w.t) semata-mata. Hal ini dijelaskan oleh Allah (s.w.t) di dalam firman-Nya:²⁰³

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ²⁰⁴

Maksudnya:

“Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk mereka beribadat kepada Aku”

Dengan ini peranan kaunselor adalah menjelaskan serta memberikan kefahaman tentang konsep ibadah dalam Islam yang merupakan salah satu usaha dakwah melalui perkhidmatan kaunseling. Perkara-perkara yang perlu dijelaskan seperti maksud ibadah dalam Islam, ruang lingkup ibadah,

²⁰²Wan Salim bin Wan Mohd Noor, *Pengantar Islam*, Pusat Pengajian Luar Kampus, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, (t.t), hal. 2.

²⁰³Al-Qur'an surah al-Zariyat, ayat: 56.

tuntutan hukum dalam ibadah, ciri-ciri ibadah dalam Islam dan kesan ibadah terhadap jiwa dan tindakan.

2.6.9.1 Definisi Ibadah

Dari sudut bahasa, perkataan *'ibadah* (عِبَادَةً) adalah berasal dari perkataan *'Abada* (عَبَدَ) *Ya'hudu* (يَعْبُدُونَ) *'Abd* (عَبْدٌ). Perkataan *'Abd* adalah *masdar* (nama terbitan) yang membawa maksud hamba; kerana tabiat seseorang hamba itu ialah merendah diri dan taat kepada perintah tuannya. Jadi, perkataan ibadah dari sudut bahawa ialah merendah diri, tunduk, patuh dan taat.²⁰⁴

Dari sudut istilah *syara'* pula, terdapat pengertian yang telah dikemukakan oleh ulamak mengenainya. Antaranya adalah sebagai berikut:

²⁰⁴ Menurut dr. Yusuf al-Qardhawi dan Ibn Manzur dalam kamusnya, makna ibadat itu ialah taat. Ibn Manzur menyebut pendapat al-Fara', ibadat dari sudut bahasa ialah taat berserta dengan tunduk dan patuh. Pendapat ini sama dengan pendapat al-Khazin yang mengatakan, ibadat itu ialah tunduk yang sepenuhnya dan meletakkan diri serendah-rendahnya. Lihat al-Qardhawi Yusuf (Dr), *Al-'Ibadah fi al-Islam*, cet. 6, Beirut, 1965, hal. 272-273 dan al-

Menurut al-Tabari, ibadat ialah taat, tunduk, patuh dan merendah diri sepenuhnya kepada Allah (s.w.t), mengakui dan meyakini bahawa Allah (s.w.t) sahajalah yang layak menjadi tumpuan segala ketaatan, tunduk patuh, merendah diri, takut dan sentiasa mengharap.²⁰⁵

Menurut al-Alusi pula, ibadah ialah tahap tertinggi daripada segala ketundukan dan kepatuhan yang tidak mungkin berlaku dari segi syara' dan akal mengerjakan ibadah selainnya.²⁰⁶

Ibn Kathir di dalam *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, menyatakan, ibadah sebagai gambaran makna yang mengumpulkan pengertian kasih, tunduk, patuh dan takut yang sepenuhnya.²⁰⁷

Khazin, 'Ala'uddin Ali bin Ibrahim, *Lubb al-ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil*, juz 1, cet 2, Qaherah, 1966, hal 22.

²⁰⁵ Al-Tabari, Ibn Ja'afar Muhammad bin Jarir, *Jami' al-Bayan fi al-Tafsir al-Qur'an*, Tahqiq Majmud Muhammad Syakir, juz. 1, Misr, Dar al-ma'arif, t.t, hal. 160. Lihat juga al-Khazin, *Lubab al-Ta'wil*, hal. 22.

²⁰⁶ Al-Alusi, Abu al-fadl Syihabuddin al-Syihabuddin al-Sayyid Mahmud, *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani*, juz. 1, Beirut, Al-Muniriyah, hal. 81.

²⁰⁷ Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, juz. 1, Misr: 'Isa al-Babi al-Halabi, hal. 25.

Dalam al-Qur'an Allah (s.w.t), menjelaskan pengertian ibadat sepetimana firmanNya:²⁰⁸

وَلِلّٰهِ يَسْجُدُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya:

"Kepada Allah sujud apa yang di langit dan di bumi"

Berdasarkan kepada ayat di atas, bahawa pengertian ibadat itu digunakan dalam dua bentuk. Pertama ialah kepatuhan dan tunduk makhluk-makhluk yang tidak berakal secara tabi'l kepada ketentuan hukum Tuhan yang telah disediakan untuknya.

Ayat ini juga menunjukkan bahawa segala kejadian yang berada di langit, matahari, bulan dan bintang-bintang semuanya bergerak mematuhi ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah (s.w.t), begitu juga keadaannya makhluk-makhluk yang berada di bumi; bintang-bintang dengan segala jenisnya, tumbuh-tumbuhan dengan segala jenisnya, bukit bukau dan bahan-

²⁰⁸ Al-Qur'an, surah al-Ra'd, ayat 15.

bahan yang terdapat di dalam perut bumi keseluruhannya tidak terlepas dari hukum Allah.²⁰⁹

Kedua ialah kepatuhan keapda Allah (s.w.t) yang ditujukan khusus kepada makhluk yang berakal; manusia dan jin. Firman Allah:²¹⁰

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِعِبْدٍ وَّ
وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِعِبْدٍ وَّ

Maksudnya:

“Tidak aku jadikan jin manusia, melainkan supaya mereka beribadat kepada Aku”

Ibadat yang dimaksudkan kepada manusia itu ialah kepatuhan dan ketataan dalam segala bidang dan gerak-geri kepada Allah (s.w.t).²¹¹ Tujuannya adalah untuk kebersihan jiwa dan kemurniaan hati, menimbulkan kemesraan hubungan dan kecintaan kepada Allah (s.w.t) serta membina ketinggian budi dan kelurusinan amal.

²⁰⁹Ibn Kathir, *op.cit.*, juz 2, hal. 571, Muhalli & Sayuti, *Tafsir al-Jalami*, (al-Jalalain), Beirut, t.t., hal. 352.

²¹⁰Al-Qur'an, surah al-Zariyat, ayat: 56.

²¹¹Sayyid Quth, *Fi Zilal al-Qur'an*, Beirut, t.t. jil. 6, hal. 3386.

2.6.9.2 Skop Ibadat Dalam Islam

Ibadat dalam Islam berdasarkan kepada pengertian di atas dapat dibahagikan kepada dua bahagian:

2.6.9.2.1 Ibadat Khusus

2.6.9.2.2 Ibadat Umum

2.6.9.2.1 Ibadat Khusus

Apa yang dimaksudkan dengan ibadat khusus ialah kepatuhan dan tunduk manusia kepada hukum-hukum yang ditentukan, yang terkandung di dalam fardu `ain secara ilmu dan amal iaitu syahadah, sembahyang lima waktu, puasa bulan ramadan, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji.²¹²

Termasuk juga di dalamnya amalan-amalan sunat dan kelebihan²¹³ sembahyang sunat *rawatib*, *tahajud*, *tasbih*, *ishraq*, *dhuha*, dan sunat *mutlak*, demikian juga puasa-puasa mingguan, bulanan dan tahunan. Ibadat khusus juga termasuk segala unsur zikir, wirid dan bacaan al-Qur'an.

²¹²Lihat Sayuti, *Al-Jami` al-Saghir*, Misr, t.t, jil. 6, hal. 126.

²¹³Lihat Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Misr, jil. 8, 1961, hal. 105.

Ibadat khusus ini ditentukan peraturan dan cara pelaksanaannya dengan tujuan untuk membina batin dan dalaman manusia dalam hubungannya dengan Allah (s.w.t). Dengan hubungan demikian akan timbulah kemesraan dan kecintaan dalam hubungannya dengan Allah (s.w.t) dan hukum-hukumnya, malah hubungan yang terbentuk dalaman ini akan meninggalkan kesan yang lebih kepada manusia itu.

Selain dari itu ia juga merupakan satu ujian terhadap keikhlasan iman manusia terhadap Allah (s.w.t) yang tersembunyi, dan hanya akan dapat diketahui keyakinannya melalui gerak dan amal. Ibadat ini bertujuan untuk melatih manusia hidup berdisiplin walau di mana sahaja ia berada kerana dalam amalan ibadat itu manusia secara berterusan dilatih untuk menghormati dan menjaga peraturan dan masa, sebab kesempurnaan ibadat itu bergantung kepada kesempurnaan manusia mengikut peraturan yang telah ditentukan dan ketetapan masa yang telah ditentukan. Ibadat ini juga dapat membantu untuk keluhuran jiwa dan ketenangan hati.²¹⁴

Untuk membina komitmen kita kepada Islam dan konsistensi dalam membina dan mempertahankan kebenaran Islam, dan kecintaan kepada Allah dan hukum-hukumnya, ibadat khusus ini sama sekali tidak boleh diabaikan, malah hendaklah diperhitungkan dan diperbanyakkan, kerana inilah sahaja

bahan yang berkesan untuk menghidupkan hati dan menyegarkan cita-cita perjuangan supaya tidak pudar, lemah dan hilang. Dengan kesedaran hati yang berterusan kesan dari siraman air ibadat itu cita-cita perjuangan itu dapat diteruskan walau bagaiman sekali pun suasana yang dihadapi.²¹⁵

2.6.9.2.2 Ibadat Umum.

Apa yang dimaksudkan dengan ibadat umum itu ialah kegiatan Muslim dalam bidang yang lain yang disebutkan di atas, sama ada kegiatan itu berkaitan dengan urusan keluarga, masyarakat, dan negara.²¹⁶

Bagi Islam seluruh aspek gerak manusia diambil kira dan kegiatannya tidak terkeluar dari penilaian hukum wajib, sunat, makruh dan harus. Bahkan kecenderungan hati kepada melakukan kebaikan akan diberi ganjaran oleh Allah (s.w.t) sekalipun geraknya tidak berlaku.²¹⁷

Berdasarkan ini nyatakan penglibatan manusia Muslim dalam kehidupan ini, walau dalam apa bentuk sekalipun tidak akan terlepas dari

²¹⁴Ahmad Shalaby, *Masyarakat Islam*, Ter: Prof. Mokhtar Yahya, Pustaka Nasional Singapura, 1986, hal. 267.

²¹⁵*Ibid*, hal. 269.

²¹⁶Muhammad Abdul Jabbir Beg, "Konsep Tamadun Islam Mengikut Ulama Dan Darat", dalam *Islamiyat*, jil. 2, Universiti Malays, Kuala Lumpur, 1979, hal. 50.

²¹⁷Lihat 'Amidi, *Al-Ahkam fi Usul al-Ahkam*, jil. 1, 1968, hal. 73.

penilaian hukum Allah, cuma tabiat kewajipan dan perhubungan itu sahaja yang berbeza mengikut keadaannya masing-masing. Ada kewajipan perhubungan dalam bentuk keluarga, jiran, masyarakat umum, pemerintahan dan sebagainya.²¹⁸

Untuk menentukan bahawa kegiatan manusia itu menjadi ibadat dalam penglibatan dalam kehidupan, kita memerlukan kepada beberapa asas pengukuran; iaitu hendaklah apa yang dilakukan itu didorong oleh keikhlasan niat semata-mata kerana Allah (s.w.t). Sementara, untuk mendapat keredaan Allah, hendaklah perlakuan seseorang itu tidak bercanggah dengan hukum dan adat-adab syariah. Sebaliknya setiap perlakuannya hendaklah jelas menampakkan ciri keislaman dan keimanannya.²¹⁹

Kegiatan Muslim dalam apa bentuk yang dilakukan adalah bersempadan kepada neraca yang disebutkan di atas dan dapat memberi dua keuntungan kepada pelakunya. Pertama, keuntungan di dunia dengan kesempurnaan dan kebaikan hasil yang dapat dicapai dari segi peningkatan kerohanian dan kebendaannya. Kedua, keuntungan di akhirat di mana ia diberi ganjaran pahala dan syurga serta mendapat keredaan dari Allah (s.w.t).

²¹⁸ Hussin bin Hj. Ahmad, *Ibadah Dalam Islam*, Pusat Penyelidikan Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur, 1979, hal. 7.

²¹⁹ Hj. Said Hj. Ibrahim, *Hijrah Dan Jihad*, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 1981, hal. 9.

Berdasarkan kepada huraian di atas dapat disimpulkan bahawa di dalam Islam tidak ada garis pemisah di antara dua ibadat itu dalam kehidupan Muslim. Kesemuanya menuju kepada satu tujuan iaitu untuk mendapat keredaan Allah (s.w.t). Cuma bentuknya sahaja yang berbeza kerana perbezaan penekanan terdapat dalam corak ibadat seperti yang telah dijelaskan. Kedua-dua ibadat ini amat diperlukan oleh manusia untuk mengisi kekosongan *spiritual* dan kejiwaan di satu pihak yang lain.

2.6.9.3 Tuntutan Hukum Dalam Ibadat

Perkara-perkara yang diperlukan oleh umat adalah termasuk di dalam kategori ibadat yang umum dan wajib diselesaikan. Perkara-perkara yang menjadi keperluan umat mengikut tuntutan ilmu disebut sebagai *fardhu kifayah*. Oleh sebab perkara-perkara itu menjadi satu tuntutan hukum untuk keperluan umat, maka ia dikira sebagai ibadat jika dilakukan dan diselesaikan mengikut garis panduan yang telah disebutkan di atas.

Terdapat lima perkara yang wajib diselesaikan mengikut pembicaraan yang diulas oleh ulamak-ulamak tentang perkara-perkara asas untuk *survival* masyarakat Islam. Mengikut Imam al-Ghazali bahawa kelima-lima perkara asas itu mestilah diselesaikan secara kolektif dan secara bersama oleh masyarakat Islam kerana ini adalah kewajipan hukum ke atas mereka.

Perkara-perkara yang perlu diselesaikan ialah keperluan kesihatan umat, keperluan makanan, keperluan tempat tinggal, keperluan pakaian dan keperluan pelaksanaan hukum Allah dalam masyarakat Islam.²²⁰

Lima bidang yang diutarakan oleh Imam al-Ghazali ini kesemuanya adalah perkara-perkara asas dan penting untuk *survival* umat. Di samping itu banyak lagi bidang-bidang lain yang bercorak profesional dan lainnya yang perlu diselesaikan jika keperluan umat menghendakinya.

Berdasarkan huraian di atas jelas menunjukkan bahawa Islam ada membawa ciri-ciri perbezaan dan perubahan tentang ibadat dari apa yang pernah dialami oleh penganut lain sebelum kedatangan Islam.

2.6.9.4 Ciri-ciri Ibadat Dalam Islam

Di antara ciri-ciri perbezaan dan pembaharuan yang dibawa oleh Islam adalah seperti berikut:

2.6.9.4.1 Sebagai Hamba Berhubung Langsung Dengan Allah (s.w.t)

²²⁰Lihat al-Ghazali, *Ihya 'Ulum al-Din*, Qaherah, t.t., jil. 1, hal. 17.

Beribadat dalam Islam ialah perhubungan hamba Allah (s.w.t) secara langsung dalam memenuhi tuntutan hukum yang telah ditetapkan oleh Allah (s.w.t) kepada manusia. Ia juga sebagai cara untuk peningkatan kerohanian dalam perhubungan. Islam tidak mengakui bahawa di sana ada orang tengah sebagai perantaraan dalam hubungan dengan Allah (s.w.t) dan mereka yang tinggi kedudukannya pada (s.w.t) kepada manusia. Ia juga sebagai cara untuk peningkatan kerohanian dalam perhubungan. Islam tidak mengakui bahawa di sana ada orang tengah sebagai perantaraan dalam hubungan dengan Allah (s.w.t) dan mereka yang tinggi kedudukannya pada pandangan Allah (s.w.t) ialah mereka yang lebih bertaqwa dan berbakti kepadaNya.

Firman Allah:²²¹

إِنَّمَا أَنَّاسٌ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَرَّةٍ وَأَنْشَأْنَاكُمْ
شُعُورًا وَفَيْلًا لِتَعْرُفُوا إِنَّمَا كَثَرَ مِنْكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَكُمْ إِنَّ اللَّهَ طَمُّ خَيْرٌ
الْمُحْسِنُونَ

Maksudnya:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku-puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu disisi Allah (s.w.t) ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah amat mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuanNya (akan keaduan dan amalan kamu)”

²²¹ Al-Qur'an surah al-Hujurat, ayat: 13.

Pada waktu seseorang Muslim melakukan sembahyang, berdoa', berzikir dan bermunajat kepada Allah (s.w.t), perhubungannya dan permohonannya kepada Allah (s.w.t) adalah secara langsung, malah segala perbuatan dan tindak-tanduknya di dalam kehidupan adalah merupakan tanggungjawab sepenuh baginya di hadapan Allah (s.w.t). Tidak ada hak lagi sesiapapun untuk campurtangan terhadap perbuatannya atau meanggung risiko terhadap perbuatannya, tanggungjawabnya terhadap Allah adalah berbentuk peribadi sama ada perbuatan itu baik atau pun buruk. Firman Allah:²²²

وَأَن لَّيْسَ لِلإِنْسَنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ (٣٧)

Maksudnya:

“Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahaannya”

²²² Al-Qur'an, surah an-Najm, ayat: 39.

Firman Allah:²²³

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلَنْفِسِهِ وَمَنْ أَسَأَهَا فَعَلَيْهَا
وَمَا رُبِّكَ بِظَلَامٍ لِلْعَبْدِ
٦٧

Maksudnya:

“Sesiapa yang mengerjakan amalan soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpakannya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hambunya”

FirmanNya lagi:²²⁴

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ،
وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ،
٧٨

Maksudnya:

“Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatNya (dalam surat amalannya), dan sesiapa berbuat kejahanan seberat zarah, nescaya akan dilihatNya (dalam surat amalnya)”

²²³ Al-Qur'an, surah Fussilat, ayat: 46.

²²⁴ Al-Qur'an, surah al-Zalzalah, ayat: 7-8.

Ayat-ayat yang tersebut di atas, jelas menunjukkan bahawa kedudukan manusia di sisi Allah (s.w.t) adalah sama. Manusia akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perbuatannya. Jika ia bersalah dia harus memohon keampunan dari Allah (s.w.t) dan Allah sahaja berhak memberi keampunan itu kepada manusia. Makhluk lain tidak mempunyai kuasa untuk memberi keampunan itu. Dalam Islam, ahli agama, ulamak adalah sebagai penunjuk jalan dan penyampai pengajaran dan tidak lebih dari itu, tidak ada kuasa padanya untuk memberi keampunan dan memberi hidayah kepada manusia kerana kedua-dua itu hak Allah (s.w.t) semata-mata.

Dari segi kedudukan, Islam agak berbeza dengan sesetengah agama lain yang meletakkan kedudukan ahli agama lebih tinggi dari orang biasa dan mempunyai hak dan kuasa untuk memberi keampunan kepada orang yang bersalah dan berdosa.

2.6.9.4.2 Ibadat Dapat Dilakukan Di mana Sahaja Tanpa Dikhususkan Tempatnya

Islam adalah agama yang rasional dan mudah. Dalam ibadat, hubungan manusia dengan Allah (s.w.t) tidak dikhususkan tempat yang tertentu, malah orang-orang Islam dapat berhubung dengan Allah (s.w.t) di mana sahaja dia berada dan di waktu mana dia ada kelapangan. Ibadat dapat

dilakukan dalam perjalanan di darat, di lautan dan di udara kerana Allah berada di mana-mana sahaja. Firman Allah (s.w.t).²²⁵

فَإِنَّمَا تُولُوْا فَيْقَمَ وَجْهُ اللَّهِ

Maksudnya:

“Maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk menghadap Allah), maka di situ lah arah diredaya Allah”

Sabda Rasulullah (s.a.w):²²⁶

جَعَلْتُ لِي الْأَرْضَ مَسْجِدًا وَرَطَهُ وَرَا

Maksudnya:

“Dijadikan untuk-Ku bumi sebagai tempat sujud dan bersih”

Dari segi ini didapati sedikit perbezaan di antara ibadat dalam Islam dengan agama-agama lain yang biasanya mengkhususkan ibadat itu di tempat-tempat tertentu sahaja.

²²⁵ Al-Qur'an, surah al-Baqarah, ayat: 115.

²²⁶ Sayuti, *op.cit.*, hal. 114.

2.6.9.4.3 Seluruh Kegiatan Manusia Dinilai Sebagai Ibadat

Maksud ibadat itu amat luas, segala kegiatan manusia yang dilakukan dan menepati kehendak yang telah dijelaskan adalah dikira sebagai ibadat. Ibadat dalam Islam bukan merupakan kegiatan kerohanian semata-mata, tetapi melibatkan kegiatan-kegiatan luar yang melibatkan keluarga, masyarakat dan negara, sama ada kegiatan itu bercorak kebendaan, pemikiran atau kerohanian.

Penilaian demikian terhadap usaha manusia adalah tepat sekali dan bersesuaian dengan fitrah manusia itu sendiri. Sememangnya keperluan kehidupan yang perlu disisi ialah keperluan rohani dan kebendaan. Sekaligus, keperluan roh dan jasad juga tidak boleh dipisahkan. Maka penilaian demikian adalah adil untuk keperluan manusia dan kepentingannya sama ada untuk kehidupan di dunia dan di akhirat.

Berdasarkan kepada beberapa kenyataan yang tersebut di atas, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa ibadat dalam Islam adalah lebih umum dan lebih luas dari apa yang pernah difahami. Dalam konteks pembangunan manusia terdapat dua sasaran ibadat. Pertama sasaran pembinaan peribadi di sudut kejiwaan dan rasa supaya sentiasa merasa cinta kepada kebenaran yang hakiki. Kedua sasaran terhadap pembinaan masyarakat di segi perhubungan

kejiwaan dan rasa kepuasan pencapaian di bidang kebendaan sebagai alat untuk kesempurnaan hidup.

Kedua-dua bentuk ibadat sama ada yang khusus atau yang umum tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia. Kalau terpisah maka ia akan melahirkan kepincangan hidup dan menjasaskan kekuatan kemajuan yang hakiki bagi sesuatu umat.

Oleh itu, peranan kaunselor di dalam membantu dan membimbing klien perlulah mengetahui dan menekankan konsep ibadat kepada klien agar ia dapat bertindak sesuai dengan konsep agama di dalam hidupnya. Hanya dengan pengisian secara demikian sahaja akan dapat membangunkan roh, akal dan jasmani.

2.7 SIFAT-SIFAT KAUNSELOR MUSLIM

Kejayaan dan kegagalan sesi kaunseling sama ada kaunseling individu atau kaunseling kelompok adalah bergantung kepada sifat, peribadi, sahsiah seseorang kaunselor. Kaunselor dalam konteks dakwah ia adalah seorang *muaddib* (yang memberi contoh kepada tingkahlaku murni dan luhur) di samping itu ia juga seorang kaunselor atau pemudahcara.²²⁷

Terdapat beberapa sifat atau ciri-ciri seorang kaunselor muslim. Di antaranya adalah sebagai berikut:

2.7.1 Penerimaan Dan Kemesraan

Dalam menjalankan sesi kaunseling, kaunselor hendaklah menunjukkan kepada klien tentang sikap atau kerelaannya untuk membantu dan menolong klien sama ada melalui tutur kata, raut wajah dan tingkah alku melayan. Ini merupakan salah satu sifat yang perlu ada dalam sesi

²²⁷Ghazali Basri (Dr.), "Pendekatan Islam Terhadap Kaunseling", *Jurnal Pendidikan Islam*, jil.2, bil. 3, KDN 47/7/88, 1988, hal. 60.

kaunseling sebagai seorang kausnelor.²²⁸ Kejujuran yang ditunjukkan adalah tanpa syarat serta selesa, yakin dan bebas.

Sifat menerima tanpa syarat merupakan satu sifat di mana seseorang kaunselor harus menenerima seseorang tanpa sebarang perasaan atau salah anggap. Ini bermakna kaunselor dapat melayan klien dengan baik tanpa menyinggung perasaannya dan tidak menyusahkannya seperti sabda Nabi.²²⁹

يَسْرُوا وَلَا تُعِسِّرُوا

Maksudnyanya:

"Hendaklah engkau mempermudahkan dan jangan menyusahkan"

²²⁸ Affif Abd. Fatah Tabarah (Dr.) *Nadi Ajaran Islam*, Terj: Mohd. Akhir Yaacob, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, cet. 2, 1992, hal. 303.

²²⁹ Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, jil. 1, t.t, hal. 163.

2.7.2 Tidak Menghukum

Semua kaunselor tidak boleh menghukum atau menilai sesuatu terhadap kelakuan klien. Ini untuk mengelakkan daripada pandangan serong oleh klien. Kaunselor dalam konteks ini bukan sebagai pengadil, hakim atau pendamai. Namun begitu, dalam konteks Islam ianya perlu mengambil kira prinsip dan hukum agama itu mendiri supaya tidak bertentangan.

Menurut Malik Badri konsep mudah dalam Islam terhadap tidak menghukum adalah satu penolakan konsep baik, jahat, tanggungjawab, moral dan agama. Dalam Islam ada perkara halal dan haram. Hal ini berkait rapat dengan konsep hidup muslim dan kepatuhan kepada Allah (s.w.t) yang bukan hanya tertakluk kepada matlamat dunia, malah kehidupan akhirat juga sebagai tempat menerima pembalasan.²³⁰

²³⁰Malik Badri, Success With Islamic Counseling And Psychotherapy, *Seminar Kebangsaan Kaunseling Islam IV*, Kuala Lumpur, 26 Ogos 1996, hal. 1-34.

2.7.3 Tenang, Sabar Dan Berterus Terang

Semasa menjalankan sesi kaunseling, kaunselor hendaklah bersikap tenang, sabar dan berterus terang kepada klien. Kaunselor tidak boleh berpura-pura kerana boleh menimbulkan curiga kepada klien. Kaunselor hendaklah menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh klien, tepat dan sesuai.²³¹

Dalam keadaan tertentu, bantuan kaunselor diperlukan untuk membantu menjelaskan lagi curahan perasaan yang dibuat oleh klien. Kaunselor hendaklah cepat memahami segala percakapan klien secara jelas dan tepat. Etika yang ada tidak menjamin seseorang kaunselor boleh berjaya tanpa persediaan yang rapi untuk menjadi seorang kaunselor. Persediaan sebagai seorang kaunselor secara umumnya harus mempunyai sifat peribadi yang sabar, jujur dan sensitif kepada keperluan orang lain. Kecerdasan, kefahaman, kemahiran dan personaliti kaunselor akan menghidupkan prosedur dan teknik kaunseling.²³²

²³¹ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukari*, jil. 1, Istanbul, 1979.

²³² Mohd Salleh, *op.cit.*, hal. 32-33.

2.7.4 Ketepatan Masa Dan Kerahsiaan

Berhubung dengan sifat kaunselor, Mohd Mansur menjelaskan bahawa kaunselor harus mempunyai kesediaan meluangkan masa dan tenaga bagi menolong orang lain terutama dalam membantu manusia dalam kepayahan (bermasalah). Perkhidmatan yang diberikan ini merupakan satu suruhan Allah (s.w.t) yang sentiasa dituntut oleh Islam. Kaunselor dikehendaki amanah dalam ertikata sanggup menyimpan rahsia dan membahagikan pelanggan. Ini juga merupakan tuntutan Islam. Seorang kaunselor yang baik ialah seorang yang dapat menggunakan teknik dan kaedahnya tersendiri.

Berhubung dengan kerahsiaan ini, Hassan Langgulung menjelaskan kod etika kaunseling disimpulkan dalam tiga perkara iaitu, spesialisasi secara ilmiah dan profesional, kesediaan peribadi dan berpegang kepada *Code Of Ethics*. Spesialisasi secara ilmiah dan profesional bermaksud ada pengetahuan tentang kaunseling dari segi teknik dan kaedahnya dan juga pengalaman melaksanakannya dalam pelbagai suasana dalam kehidupan seharian. Kaunselor dalam konteks ini tahu untuk melaksanakannya.

Keperluan ilmu pengetahuan yang pelbagai seperti psikologi, sosiologi, kerja sosial dan pendidikan syariat Islam.²³³

2.7.5 Keperibadian Yang Unggul

Kesediaan peribadi untuk menjadi seorang kaunselor memerlukan ciri-ciri atau sifat utama seperti akidah yang baik, berpegang teguh kepada Islam sama ada dari segi niat, peraturan atau perbuatan. Berasaskan kepada kepercayaan, peraturan dan sistem sosial yang adil dalam falsafah hidup yang paling mulia. Keperluan kepada pengetahuan hukum-hukum Allah (s.w.t) dalam hal yang berkaitan dengan perkhidmatan kaunseling. Kaunselor muslim juga perlu memiliki ciri-ciri psikologikal dan moral seperti kaunselor lain sama ada muslim atau tidak. Antara sifat-sifat yang perlu ada ialah, kecerdasan, rasa tanggungjawab, kesanggupan menghadapi kekecewaan, kematangan emosi, banyak membaca, kebolehan mengadakan hubungan dengan orang lain atau kepada manusia, sabar, rendah hati, pemerhati yang tepat, kepercayaan diri, baik akhlak, keinginan bekerjasama dengan orang lain dan sebagainya.

²³³Hassan Langgulung, 'Kaunseling Dalam Masyarakat Islam', *Kertas Kerja Seminar Kaunseling Islam*, Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Kuala Lumpur, 1979, hal. 1-2.

Dalam hubungan ini, sifat-sifat atau ciri kaunselor seperti yang ditentukan oleh orang Barat sebenarnya telah wujud dalam sistem mengenai *muhtasib* seperti ciri yang telah disepakati oleh sarjana Islam antaranya adalah ilmu dan kecerdasan, amanah, taqwa, warak, ketepatan pemerhatian, halus, sabar, lemah lembut, baik akhlak, adil, keinginan bekerjasama dengan orang lain, keprihatinan terhadap urusan dan maslahat manusia, sanggup menerima cercaan dan kesalahan mereka, baik sangka, rendah hati, kenal akan kelemahan diri, berpegang pada sunat dan nawafil, kata dikotakan agar dapat dipercayai dan dihormati orang.

Sehubungan dengan ini berpegang kepada kod etika dianggap satu kejayaan dalam kaunseling kerana ianya mencakupi soal tanggungjawab, keperluan dan kaedah yang sistematik, kod etika dalam kaunseling ada persamaan dengan kod etika dalam *hisbah* sebab kaunseling seperti yang difahami merupakan salah satu dari cabangnya. Oleh yang demikian sebilangan prinsip niat yang baik untuk mencari keredaan Allah (s.w.t). Dengan hal yang demikian, prinsip *consistency* atau *istiqamah* (tetap pendirian) dalam ertikata kewajipan mentaati Allah (s.w.t) dari segi perkataan atau perbuatan. Prinsip ilmu dan pengalaman, iaitu kauselor tidak memberi kaunseling dalam perkara yang tidak diketahui, halus dan lemah lembut,

akhlak yang luhur, amanah dalam kaunseling dan mencipta kemaslahatan dan mengalak dari kerosakan.

Mohd Salleh menjelaskan jika seorang kaunselor muslim ia harus menggunakan pendekatan dan memahami prinsip-prinsip kaunseling seperti yang terkandung dalam al-Qur'an berasaskan kefahaman tentang rukun Iman dan rukun Islam. Ini bertujuan untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada klien bagi memahami keimanan, perasaan, sumber diri dan peka kepada persekitaran. Maklumat seumpama ini menjadi bakal kepada klien untuk merancang masa depan dan dapat mencapai kepuasan selepas menerima perkhidmatan tersebut. Kaunselor muslim perlu memahami unsur-unsur dan nilai penyelesaian masalah menurut pendekatan pengajaran Islam.²³⁴

Berhubung dengan sifat-sifat kaunselor muslim, Abdul Aziz menjelaskan bahawa ciri-ciri atau sifat kaunselor muslim antaranya ialah beriman dan bertaqwa kepada Allah (s.w.t), berilmu, terlatih dan sesuai, lemah lembut, pengasih, penyayang, murah hati, dermawan, takut kepada Allah (s.w.t), sabar, tenang, tidak gopah, tidak gemuruh, keperibadian yang tinggi, berkeyakinan tinggi, bertugas untuk membantu dan menolong dan

²³⁴ Mohd Salleh, *op.cit.*, hal. 102.

bukan untuk menghukum, amanah dan menepati janji, menanamkan rasa kasih sayang kepada diri sendiri, benar dalam percakapan dan perkataan, toleransi, merendah diri dan tidak munafik.²³⁵

Kaunselor mempunyai tanggungjawab yang benar. Oleh itu, seorang kaunselor muslim haruslah menggunakan pendekatan berdasarkan kepada kefahaman rukun iman dan rukun Islam. Tugas kaunselor muslim bererti melaksanakan tanggungjawab seberapa mampu yang mungkin untuk menolong klien yang menghadapi masalah dengan cara memberi kefahaman yang mendalam terhadap masalah yang dihadapi, menggalakkan klien mencari jalan penyelesaian ke arah kebaikan dan mencegah daripada melakukan kejahanan.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas maka dapat disimpulkan bahawa perkhidmatan kaunseling mempunyai kaitan rapat dengan budaya dan kepercayaan agama yang perlu diberi perhatian oleh para kaunselor. Kaunselor muslim mempunyai cabaran yang besar sama ada berbentuk dalaman mahupun luaran. Cabaran dalaman yang dihadapi oleh kaunselor muslim ialah berkaitan dengan personoliti sendiri.

²³⁵Aziz Salleh, *op.cit.*, hal. 36-58.

Dalam Islam kaunselor merupakan orang yang boleh dicontohi oleh klien. Model terbaik sebagai kaunselor ideal adalah seperti Rasulullah (s.a.w) dalam mengendalikan pelbagai masalah yang dihadapi. Kaunselor perlu kepada kekuatan dalaman dan bersih jiwynya dariapda unsur yang boleh menjelaskan perkhidmatan. Oleh itu, sebilangan sifat asas dan terpuji perlu ada pada seorang kaunselor. Sementara itu, cabaran luaran pula kaunselor terpaksa berdepan dengan persekitaran dan arus perkembangan kausneling itu sendiri. Kadang kala kausnelor muslim berdepan dengan ancaman seperti sekularisma (falsafah anti agama dan meterialistik) yang berbentuk ilmiah yang berkaitan dengan falsafah, prinsip dan teori kaunseling itu sendiri.

Dalam hal ini, kaunselor muslim mestilah meletakkan diri dengan niat yang jitu dengan memberi perkhidmatan kerana Allah (s.w.t) semata-mata di samping mengharapkan rahmat daripadanya. Para kaunselor muslim mestilah yakin bahawa Allah (s.w.t) sentiasa membantu hamba-Nya yang bekerja untuk mendapat keredaan-Nya. Dengan itu juga kaunselor muslim mestilah membuat persediaan yang rapi dalam semua hal termasuklah memperolehi ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang. Kaunselor muslim

juga mestalah menghiasi dirinya dengan ketekunan, kesabaran dan tabah menghadapi kerena klien.